

## BAB 2

### SEJARAH DAN PERKEMBANGAN *NGO* WANITA DI MALAYSIA

#### 2.1 Pendahuluan

Perkembangan *NGO* wanita<sup>1</sup> di Malaysia telah melalui pelbagai proses perubahan dan menghadapi pelbagai bentuk cabaran. Daripada hanya pertubuhan-pertubuhan yang menjalankan kegiatan untuk menjaga kebijakan ahli dan menganjurkan kursus-kursus kemahiran rumah tangga, kegiatan *NGO-NGO* wanita ini telah berkembang kepada kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan isu-isu dan masalah-masalah lebih kompleks yang memerlukan pembelaan sewajarnya. Isu-isu dan masalah-masalah yang dimaksudkan itu termasuklah penindasan dan amalan diskriminasi yang menyebabkan sebahagian daripada wanita di negara ini teraniaya.

*NGO-NGO* wanita ini diwujudkan timbul daripada pelbagai kesedaran, sama ada kesedaran di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Semangat kesukarelaan dan keprihatinan tokoh-tokoh wanita tertentu telah mendorong kepada bertambah dan berkembangnya *NGO-NGO* wanita di negara ini. Sehingga Disember 2000, dianggarkan terdapat kira-kira 250 *NGO* wanita di Malaysia yang mana 177 daripadanya berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.<sup>2</sup> Jadual 2.1 menunjukkan jumlah pertubuhan wanita yang berdaftar mengikut negeri dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia antara tahun 1995 hingga 2000 berkenaan. Sebahagian besar *NGO-NGO* wanita yang aktif (kira-kira dua pertiga) menjadi ahli gabungan *NCWO* sehingga penghujung tahun 2000 itu.

Jadual 2.1

**Jumlah Pertubuhan Wanita Berdaftar Mengikut Negeri dan Kategori  
(1995-2000)**

NEGERI / TAHUN	PERLIS	KEDAH	P.P	PERAK	SEL	W.P	N.S.	MEL	PHG	KEL	TRG	JOHOR	S.WAK	SABAH	JUMLAH
1995	-	-	8	1	19	34	3	3	4	2	3	5	16	21	119
1996	-	-	8	1	22	38	3	3	4	2	3	6	15	26	131
1997	0	0	8	1	21	40	2	3	5	2	3	6	17	30	138
1998	0	0	8	5	23	42	3	3	5	4	5	6	19	28	151
1999	0	0	8	5	28	42	3	4	5	4	5	7	23	29	163
2000	0	0	8	5	30	45	3	4	5	5	6	8	26	32	177

Sumber: Laporan Tahunan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (1995; 1996; 1997; 1998; 1999; 2000).

Bab ini membincangkan latar belakang sejarah dan perkembangan *NGO* wanita di Malaysia. Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada lima tahap utama iaitu zaman prapendudukan Jepun, zaman pendudukan Jepun 1942-1945, pasca pendudukan Jepun hingga pengisytiharan kemerdekaan 1957, tahun-tahun awal kemerdekaan hingga 1980 dan era 1981 hingga 2000.

## **2.2 Zaman Prapendudukan Jepun: Kesedaran Awal dan Keperluan Berpersatuan**

Di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, *NGO* wanita telah wujud lama sebelum zaman pendudukan Jepun lagi. Dalam zaman prapendudukan Jepun, tumpuan kegiatan organisasi itu lebih kepada aspek menjaga kebajikan ahli dan meningkatkan pendidikan wanita, khususnya di kalangan kanak-kanak perempuan. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kemunculan pertubuhan-pertubuhan tersebut seperti gerakan dakwah Kristian antarabangsa, kesedaran baharu dan semangat altruisme golongan wanita berpendidikan dan pengaruh semangat kebangsaan.

Memandangkan pertubuhan-pertubuhan wanita yang ada pada ketika itu tidak begitu banyak dan kebanyakannya pertubuhan-pertubuhan yang ada itu pula mempunyai matlamat dan kegiatan yang berbeza, dalam bahagian ini perbincangan (secara berasingan) akan ditumpukan terhadap tiap-tiap *NGO* wanita yang ada dan penting pada ketika itu. *NGO-NGO* berkenaan ialah *YWCA*, *MWTU*, *MLA*, *Chinese Ladies Association of Singapore*, *Khalsa Diwan Selangor* dan bahagian/sayap wanita KMS.

Gerakan dakwah Kristian antarabangsa telah mendorong penubuhan *Young Women's Christian Association (YWCA)* di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Berpusat di Britain, penubuhan *YWCA* kemudiannya telah berkembang ke

beberapa negara Komanwel. Pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, pengaruh gerakan berkenaan telah sampai ke beberapa bandar utama di Singapura dan kemudiannya Semenanjung Tanah Melayu. Kesan gerakan tersebut dapat dilihat dengan penubuhan *YWCA* yang pertama di Singapura dalam tahun 1875. Ini diikuti dengan penubuhannya di bandar-bandar lain, iaitu di Pulau Pinang (1909), Kuala Lumpur (1913), Melaka (1921) dan Ipoh (1930).<sup>3</sup>

Penubuhan *YWCA*, khususnya di Singapura ialah hasil inisiatif Sophia Cooke, seorang guru dan mualigh Kristian. Pengalaman beliau selama kira-kira 20 tahun mengendalikan sebuah sekolah perempuan di Singapura telah menjadikan beliau seorang yang berpengaruh di sekolah itu dan juga masyarakat sekeliling. Antara lain, kegiatan-kegiatan awal pertubuhan itu ialah mengadakan pertemuan bulanan yang bersifat kebijakan dan kemasyarakatan. Keanggotaan pertubuhan itu di peringkat awalnya sangatlah sederhana dan melibatkan hanya beberapa orang guru yang berminat dengan aktiviti-aktiviti sosial dan kebijakan serta prihatin dengan masalah-masalah remaja. Apabila pertubuhan berkenaan mula berkembang, maka secara beransur-ansur keanggotaannya semakin ramai dan cawangannya pun semakin bertambah. Pada peringkat awalnya, tenaga penggerak utama *YWCA* tempatan itu kebanyakannya terdiri daripada isteri-isteri dan anak-anak ekspatriat British. Turut menganggotainya ialah wanita-wanita imigran Cina dan India serta sebilangan kecil wanita Melayu.

Antara contoh signifikan khidmat sosial *YWCA* di zaman itu ialah penubuhan pusat asuhan bagi anak-anak buruh wanita dalam tahun 1938 oleh *YWCA* Pulau Pinang. Pusat asuhan itu merupakan yang pertama seumpamanya di Tanah Melayu.<sup>4</sup> Kemudahan pusat asuhan itu telah memberikan keselesaan kepada buruh wanita yang

menghantar anak mereka ke sana dan dengan demikian memungkinkan mereka memberi lebih tumpuan terhadap pekerjaan.<sup>5</sup>

Dalam zaman itu juga *YWCA* telah mewujudkan saluran diskusi bagi ahli-ahlinya seperti forum bagi membincangkan isu-isu masyarakat, khususnya kedudukan dan peranan wanita itu sendiri. Walaupun istilah dan konsep gender seperti yang difahami pada masa ini belum digunakan pada waktu itu, tetapi jika diamat-amati dalam beberapa forum yang pernah diadakan, akan dapat dikesan bahawa ideologi gender yang popular sekarang telahpun tersemai pada masa itu. Misalnya, dalam sebuah forum yang diadakan dalam bulan Mac 1938 yang bertujuan untuk membahaskan peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat, seorang pembicara dalam forum berkenaan ada menyebut, “*whether a man or a woman ought to do this or that is entirely wrong, it is a question of the individual person's competency, not of their sex*”.<sup>6</sup>

Satu lagi *NGO* wanita zaman prapendudukan Jepun yang patut diberikan perhatian ialah Persekutuan Guru-guru Perempuan Johor (PGPJ) yang ditubuhkan dalam tahun 1929 di Johor, di bawah pimpinan Zainun bte Munshi Sulaiman atau lebih dikenali sebagai Ibu Zain (Persekutuan itu kemudiannya lebih popular dengan nama *Malay Women Teacher's Union*). Penubuhan Persekutuan berkenaan dicetuskan oleh kesedaran terhadap ketercinciran kanak-kanak, khususnya kanak-kanak perempuan Melayu di bidang pendidikan formal. Antara masalah dalam masyarakat di zamian itu ialah keengganan sebahagian besar ibu bapa menghantar anak-anak perempuan mereka bersekolah disebabkan sikap ‘kolot’ yang menganggap wanita hanya berperanan sebagai ‘orang dapur’ sahaja.<sup>7</sup> Selain itu, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah pada ketika itu tidak begitu mendorong

ibu bapa Melayu menyekolahkan anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa bukan Melayu pula menghantar anak-anak lelaki mereka ke sekolah beraliran Inggeris.

Sehingga tahun 1920, hanya dua orang kanak-kanak perempuan Melayu sahaja yang dicatat memasuki sekolah beraliran Inggeris. Mereka ialah Sofiah binti Abdullah yang mendaftar di Sekolah *Convent* Bukit Nanas, Kuala Lumpur dalam tahun 1907 dan Zainun bte Munshi Sulaiman yang memasuki Sekolah Perempuan Rebecca, Melaka dalam tahun 1920.<sup>8</sup>

Kesedaran keterciciran kanak-kanak perempuan Melayu sedemikianlah yang akhirnya mencetuskan penubuhan PGJP di Johor oleh sekumpulan guru wanita. Keanggotaannya dibuka kepada guru-guru wanita sekolah Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Pada awal tahun 1930-an, keanggotaan Persekutuan itu dicatatkan melebihi 200 orang.<sup>9</sup> Kegiatan PGJP ini juga telah mengilhamkan guru-guru perempuan di tempat-tempat lain untuk menubuhkan pertubuhan yang seumpamanya di tempat mereka. Keanggotaan yang semakin meningkat dan meluas (tidak setakat di Johor) dan peranannya yang semakin banyak telah menjadikan PGJP lebih popular dengan nama *Malay Women Teachers Union (MWTU)*.

Untuk mencapai matlamat *MWTU* (meningkatkan kesedaran peri penting pendidikan formal bagi wanita dan kanak-kanak perempuan Melayu), beberapa orang pemimpin utama kesatuan itu telah menjelajah ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, menyeru ibu bapa agar memberi pendidikan formal kepada anak-anak perempuan mereka. *MWTU* turut menerbitkan jurnal bulanannya, iaitu *Bulan Melayu*.

Ceramah-ceramah dan jurnal berkenaan telah menjadi saluran Kesatuan tersebut menyampaikan pandangan dan saranan ahli-ahlinya. Antara lain, tema-tema yang ditekankan dalam ceramah dan jurnal berkenaan ialah perkara-perkara seperti pendidikan, moral, agama, hak, tanggung jawab, kesihatan dan kekeluargaan.<sup>10</sup>

Selain itu, *MWTU* juga telah mengambil langkah bagi penubuhan sebuah institusi latihan untuk meningkatkan kemahiran wanita-wanita Melayu. Langkah itu diambil atas kesedaran peri perlu melahirkan sekumpulan guru wanita untuk mengambil alih tugas-tugas pengajaran di kemudian hari di samping mewujudkan saluran melanjutkan pelajaran untuk murid perempuan Melayu yang telah menamatkan persekolahan mereka di tahun akhir. Perbincangan yang lebih serius mengenai penubuhan institusi latihan berkenaan tergambar melalui pandangan-pandangan yang dilontarkan di pelbagai saluran, khususnya jurnal *Bulan Melayu* itu sendiri.<sup>11</sup>

Melalui beberapa sesi perbincangan antara beberapa orang pemimpin tertinggi *MWTU* dengan pihak Kerajaan, terutamanya dalam menentukan sukanan pelajaran, tenaga penggerak dan lokasi yang sesuai, *Malay Women's Training College (MWTC)* telah ditubuhkan di Melaka dalam tahun 1935. Pusat latihan itu menawarkan pendidikan selama dua tahun, meliputi kursus-kursus seperti memasak, menjahit dan pengelolaan rumah tangga yang lainnya.<sup>12</sup>

Satu perkara yang menarik untuk diperhatikan tentang *MWTU* yang diasaskan oleh Zainun bte Munshi Sulaiman ini ialah peningkatan pengambilan pelajar perempuan di sekolah-sekolah rendah. Walaupun tidak ada bukti-bukti konkret tentang hubung kait secara langsung antara peningkatan berkenaan dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh *MWTU*, tetapi semenjak Kesatuan itu menjalankan

kempen-kempennya, beberapa perkembangan dapat dilihat. Dalam tahun 1930-an, ibu bapa Melayu mula menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah, terutamanya ke sekolah rendah bantuan kerajaan.

Perangkaan yang diperolehi bagi tahun 1938 menunjukkan bahawa 56,904 kanak-kanak Melayu memasuki sekolah rendah bantuan kerajaan. Daripada jumlah itu, 40,613 ialah lelaki manakala 16,291 ialah perempuan.<sup>13</sup> Walau bagaimanapun, bilangan kanak-kanak perempuan yang menamatkan persekolahan mereka di tahun enam dan akhir jauh lebih rendah berbanding dengan bilangan kanak-kanak lelaki. Dalam tahun 1938 misalnya, 479 kanak-kanak lelaki dan hanya 24 kanak-kanak perempuan berjaya menyambung persekolahan mereka di tahun enam.<sup>14</sup>

Daripada aktiviti-aktiviti dan pencapaian-pencapaian di atas, dapat dikatakan *MWTU* merupakan *NGO* wanita Melayu pertama yang dinamik wujud dan kewujudannya secara tidak langsung telah memberi dorongan terhadap penubuhan kesatuan-kesatuan guru di negeri-negeri lain kemudiannya. Dalam tahun 1938 misalnya, sebuah kesatuan guru yang serupa telah ditubuhkan di Melaka.

Sebuah lagi *NGO* wanita yang tidak kurang pentingnya dalam zaman prapendudukan Jepun tersebut ialah *Malay Ladies Association (MLA)* yang ditubuhkan dalam tahun 1940 di Johor dan ditaja oleh Azizah binti Jaafar (anak kepada Menteri Besar Johor, Datuk Jaafar Mohammed dan saudara perempuan kepada Dato' Onn Jaafar). Walaupun penubuhannya dirintis oleh Azizah tetapi kepimpinan *MLA* secara strategik diserahkan kepada ibundanya. Keterlibatan ibu beliau (isteri Menteri Besar, berbangsa Inggeris) berkenaan sekaligus telah mendorong keterlibatan isteri-isteri pembesar yang lain. Kepentingan badan itu ialah wujudnya sebuah organisasi bagi membolehkan isteri-isteri golongan kenamaan menjalankan kegiatan-

kegiatan khidmat sosial seperti mengadakan kelas bimbingan bagi golongan dewasa yang buta huruf dan menganjurkan kelas-kelas bimbingan kemahiran rumah tangga seperti memasak dan menjahit.

Pertubuhan yang hampir sama juga terdapat di Kuala Lumpur, Selangor dan di Rembau, Negeri Sembilan.<sup>15</sup> Di Kuala Lumpur, sebuah perkumpulan wanita ditubuhkan dalam tahun 1940.<sup>16</sup> Corak aktiviti-aktiviti *NGO* berkenaan hampir sama seperti *MLA* di atas (mengadakan kursus-kursus pengelolaan rumah tangga). *NGO* yang wujud di Rembau, Negeri Sembilan pula lebih bersifat riadhah, termasuklah menganjurkan permainan badminton, *lotto* dan *bingo* serta aktiviti-aktiviti riadhah yang lain.

Beberapa *NGO* wanita bagi masyarakat Cina juga telah ditubuhkan dalam zaman prapendudukan Jepun itu. Menjelang tahun 1930-an, jumlah wanita Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu dan Singapura semakin meningkat. Wanita Cina didapati aktif dalam pertubuhan-pertubuhan yang ada kaitannya dengan upacara-upacara ibadat, khususnya dalam agama Buddha (*Buddhist nunneries* dan *vegetarian houses*). Selain itu, *NGO-NGO* yang bertujuan menjaga kebajikan dan memberi perkhidmatan kepada wanita Cina juga ditubuhkan. Antara pertubuhan wanita Cina yang terawal ialah *Chinese Ladies Association of Singapore* yang aktif dalam tahun 1917.<sup>17</sup> Tujuan penubuhannya ialah untuk menjaga kebajikan wanita dan remaja perempuan Cina. Antara aktiviti-aktiviti yang dikendalikan pada ketika itu termasuklah kelas-kelas memasak, membuat kuih dan roti serta menjahit dan menyulam.

Sebuah *NGO* wanita bagi etnik India beragama Sikh juga ada ditubuhkan dalam zaman prapendudukan Jepun. Usaha ini bermula dengan penubuhan *Khalsa Diwan Selangor* dalam tahun 1917.<sup>18</sup> Selain mengadakan upacara-upacara ibadat,

langkah-langkah meningkatkan tahap pendidikan ahli, khususnya pendidikan keagamaan (bagi mengembalikan ‘kesucian’ agama Sikh yang dikatakan telah bercampur aduk dengan agama Hindu) turut diambil. Selanjutnya, ditubuhkan juga sekolah bagi membolehkan anak-anak mereka, khususnya kanak-kanak perempuan, mendapat pendidikan formal.

Penubuhan *Khalsa Diwan Selangor* di atas telah mempengaruhi beberapa kumpulan wanita Sikh untuk menubuhkan organisasi-organisasi kecil di beberapa kawasan lain, khususnya di Selangor. Bagi mengembangkan aktiviti mereka, usaha-usaha telah diambil oleh *Khalsa Diwan Selangor* untuk menggabungkan kumpulan-kumpulan kecil yang ada di bawah pertubuhan Sikh yang utama pada ketika itu, iaitu *Sangh Sabha*. Kemuncak usaha berkenaan ialah Persidangan Wanita Sikh yang pertama di Malaya dalam tahun 1933,<sup>19</sup> yang membawa kepada penubuhan *Isteri Sangh Sabha* di Sentul, Selangor.

Walaupun beberapa pertubuhan bagi keturunan India yang lain telah diwujudkan dalam zaman prapendudukan Jepun itu seperti Persatuan India Taiping (1906), Persatuan Pemuda-pemuda India (1922), Persatuan India Malaya (1932) dan Persatuan India Tengah Malaya (1937), namun peranan wanita dalam persatuan-persatuan berkenaan bersifat pinggiran. Sebagai contoh, walaupun penubuhan Persatuan India Selangor turut dirintis oleh seorang wanita (Mrs. E. Ramachandran), beliau tidak mempunyai peranan penting dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti menjaga kepentingan wanita India dalam pertubuhan berkenaan.<sup>20</sup>

Selain terlibat dalam organisasi-organisasi yang khusus menggunakan perkataan ‘wanita’ pada namanya, wanita-wanita dalam zaman prapendudukan Jepun juga melibatkan diri dalam organisasi-organisasi yang tidak mempunyai perkataan

‘wanita’ secara khusus. Pada umumnya, wanita-wanita yang terlibat dalam organisasi-organisasi sedemikian akan bergerak dalam ‘sayap’/bahagian wanita pertubuhan-pertubuhan berkenaan. Sebagai contoh, sayap wanita Kesatuan Melayu Singapura (KMS – yang ditubuhkan dalam tahun 1926 oleh Mohamed Eunos Abdullah) telah ditubuhkan dalam tahun 1940 untuk menampung kegiatan dan penglibatan wanita-wanita Melayu.<sup>21</sup>

Keanggotaan sayap wanita KMS itu terdiri daripada isteri-isteri dan anak-anak perempuan pemimpin-pemimpin badan induk pertubuhan berkenaan. Sebahagian mereka terlibat dalam perhimpunan-perhimpunan dan kongres-kongres yang dianjurkan oleh badan induk masing-masing. Sebagai contoh, ketika Kongres Melayu SeTanah Melayu Kedua diadakan di Singapura pada 25 dan 26 Disember 1940, beberapa orang wanita khususnya daripada bahagian wanita KMS itu telah terlibat.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, daripada catatan-catatan yang diperoleh, hanya bahagian wanita Kesatuan Melayu Singapura dan Negeri Sembilan didapati aktif.<sup>23</sup>

Dalam zaman prapendudukan Jepun itu juga, walaupun tidak mempunyai organisasi tersendiri, wanita memainkan peranan aktif dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Kegiatan mereka tertonjol dalam pelbagai aktiviti, khususnya bagi menuntut kenaikan kadar upah dan keistimewaan cuti bersalin. Sebagai contoh, dalam tahun 1937 buruh wanita Cina memainkan peranan utama dalam mogok mendesak kenaikan upah daripada pengusaha ladang swasta di Ulu Langat, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur. Begitu juga peranan mereka dalam menuntut keistimewaan cuti bersalin dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan di Batu Arang dan Kajang.<sup>24</sup>

Langkah-langkah bagi memusatkan kegiatan dan organisasi wanita dalam zaman ini terhenti seketika dengan pendudukan Jepun di Tanah Melayu dalam tahun 1942. Namun, khusus bagi komuniti Melayu, dapat disimpulkan wanita yang sebelumnya berperanan ‘di dapur’ sudah mula ‘menjengah ke luar pagar’ dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Seterusnya, peningkatan jumlah wanita etnik Cina dan India yang berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura pula telah membangkitkan rasa keperluan berpersatuan di kalangan mereka, khususnya bagi menjaga kebijakan dan menyediakan perkhidmatan kepada komuniti masing-masing.

### **2.3 Zaman Pendudukan Jepun, 1942-1945: Agenda untuk Wanita dan Kesan/Faedah Sampingan**

Apabila Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura ditakluki Jepun dalam bulan Februari 1942, hampir semua pertubuhan yang ada menjadi ‘beku’ kerana negeri berada dalam suasana perang. Masalah yang diakibatkan oleh suasana perang itu diberatkan lagi dengan masalah ketegangan etnik. Bagi mengawal ketegangan etnik yang semakin meningkat, pemerintah tentera Jepun telah menubuhkan kelab-kelab seperti *Epposho* (persatuan-persatuan Cina) dan *Hodosho* (persatuan-persatuan etnik lain).<sup>25</sup> Selain itu, tujuan penubuhan kelab-kelab tersebut adalah untuk memelihara keharmonian sesama etnik di samping memberi sokongan politik kepada pemerintah tentera Jepun.

Walaupun berada dalam suasana perang dan berhadapan dengan masalah ketegangan etnik, namun pihak pemerintah tentera Jepun tidaklah sama sekali mengabaikan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan nasib dan kebijakan wanita. Antara aktiviti-aktiviti yang ada pada agenda untuk wanita di peringkat awal

pemerintahan tentera Jepun itu ialah menggalakkan wanita menyertai sektor ekonomi seperti perdagangan dan pengeluaran. Dalam bidang pendidikan pula, mulai 1943 beberapa buah sekolah beraliran Jepun telah dibuka untuk menampung keperluan pendidikan anak-anak termasuk anak-anak perempuan. Sebuah sekolah untuk kaum wanita yang menyamai sekolah-sekolah perempuan di Jepun telah dibuka di *Victoria Girls School* di Singapura untuk wanita-wanita tempatan Melayu, Cina dan India. Mata-mata pelajaran yang diajar meliputi bidang memasak, menjahit, penjagaan anak dan bahasa Jepun.<sup>26</sup>

Bila ditinjau lebih lanjut, didapati bahawa sebab utama atau tujuan pihak pemerintah tentera Jepun menggalakkan wanita terlibat dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan atau kegiatan-kegiatan di luar rumah seperti itu adalah untuk menggantikan atau mengambil alih sebahagian daripada tugas-tugas yang dilaksanakan oleh kaum lelaki. Walaupun begitu, kesan sampingan daripada langkah pemerintah tentera Jepun yang sedemikian ialah memberi semangat dan kesedaran baharu kepada wanita tentang kedudukan mereka dalam masyarakat, sesuai dengan gesaan yang pernah dibuat oleh Gabenor Kedah ketika itu, Sukegawa Seiji. Antara lain, beliau menggesa wanita-wanita Melayu agar ‘keluar’ dari status mereka sebagai ‘barang kepada golongan lelaki’.<sup>27</sup>

Pada peringkat itu, langkah-langkah yang diambil oleh pemerintah tentera Jepun lebih bersifat gesaan dan rancangan-rancangan pendidikan seperti yang terdapat dalam contoh-contoh di atas. Namun begitu, tiada organisasi diwujudkan bagi melibatkan wanita secara khusus dalam tempoh itu melainkan *Epposho* dan *Hodosho* seperti yang disebut di atas tadi.

Hanya kira-kira selepas dua tahun menduduki Tanah Melayu, baru pemerintah tentera Jepun mengambil langkah menaja penubuhan beberapa organisasi yang melibatkan wanita secara khusus. Selain bersifat sosioekonomi dan kebajikan, pertubuhan-pertubuhan itu juga menjadi alat bagi menguatkan sokongan terhadap pemerintah tentera Jepun. Misalnya, dalam tahun 1944, Kor Perkhidmatan Buruh (KPB) yang turut disertai oleh wanita telah ditubuhkan di beberapa bandar di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.

Organisasi wanita secara khusus juga diwujudkan bersama-sama KPB di atas. Sebagai contoh, khusus bagi wanita Melayu, Kor Perkhidmatan Sukarela Wanita Melayu (KPSWM) ditubuhkan dalam tahun 1944. Organisasi ini merupakan antara beberapa contoh *NGO* wanita yang memberikan perkhidmatan secara percuma pada zaman pendudukan Jepun. Kesediaan KPSWM memberi perkhidmatan dalam membantu meningkatkan aspek perekonomian secara sukarela merupakan antara manifestasi sokongan politik terhadap pemerintahan tentera Jepun. Tujuan lain penubuhan KPSWM adalah untuk menggalakkan wanita terlibat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

Satu perkembangan signifikan lain semasa pemerintahan tentera Jepun itu ialah pendedahan wanita kepada kegiatan politik dan kemasyarakatan secara berorganisasi dengan tertubuhnya bahagian-bahagian wanita pada pertubuhan-pertubuhan tertentu. Sebagai contoh, dalam bulan April 1944, *Malayan Reconstruction Co-operative Association (MRCA)* telah menubuhkan sebuah suborganisasi untuk menampung kegiatan-kegiatan wanita. Antara kegiatan-kegiatan wanita yang menonjol dalam sub-organisasi *MRCA* itu ialah penyertaan dalam perarakan untuk menyokong Jepun dan

juga ceramah-ceramah politik untuk membangkitkan kesedaran antikuasa imperialisme Barat (British) bagi menyokong gagasan ‘Asia Raya’ anjuran Jepun.

Dalam tahun yang sama juga, bahagian wanita *Malayan Welfare Association* (*MWA*) diwujudkan. Walau bagaimanapun, tiada maklumat yang diperoleh mengenai tokoh-tokoh wanita tertentu yang terlibat dalam atau memimpin bahagian wanita pertubuhan-pertubuhan di atas. Namun begitu, sebagaimana juga pertubuhan-pertubuhan yang lain, *MRCA* dan *MWA* itu juga, sama ada secara tersirat mahupun terang-terangan, telah ‘diperalatkan’ untuk meningkatkan sokongan politik terhadap pemerintah tentera Jepun di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.

Sebuah pertubuhan yang berasaskan semangat nasionalisme Melayu di Kedah, iaitu SABERKAS juga telah menggalakkan wanita terlibat dalam aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran politik. Peningkatan keanggotaan dan seterusnya peranan guru-guru wanita sekolah vernakular dalam pergerakan itu telah membawa kepada langkah-langkah penubuhan bahagian wanitanya dalam tahun 1945.<sup>28</sup>

*NGO* wanita yang khusus bagi etnik India juga wujud dalam zaman pendudukan Jepun walaupun juga dalam bentuk suborganisasi, seperti bahagian wanita dalam *Indian Independence League* (*IIL*) yang berpusat di Singapura. Penubuhan bahagian itu telah diusahakan oleh Subhas Chandra Bose (pemimpin *IIL* yang melihat adanya potensi-potensi wanita dalam membantu usaha-usaha ke arah kemerdekaan negara India). Demikian itu, selain menubuhkan bahagian wanita di Singapura (1943), beliau telah mengambil langkah menubuhkan bahagian wanita di tiap-tiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Aktiviti-aktiviti utama bahagian-bahagian wanita itu ialah mengumpulkan seberapa banyak dana (termasuk barang-barang kemas yang diderma) bagi mengukuhkan fungsi Liga berkenaan dan juga membekalkan keperluan asasi kepada tentera-tentera India di bawah *Indian Nationalist Army*. Antara sumbangan terpenting bahagian wanita itu ialah menganjurkan aktiviti-aktiviti kebajikan dan perkhidmatan seperti mengajar bahasa Hindi di sekolah-sekolah ‘kebangsaan’ yang ditubuhkan di Tanah Melayu.

Bahagian wanita *IIL* itu juga telah diperalatkan oleh pemerintah tentera Jepun bagi menjadi sumber tambahan sokongan terhadapnya menentang pemerintahan British di India. *IIL* berorientasikan politik dan ketenteraan secara eksplisit, khususnya memperjuangkan kemerdekaan negara India, dan dengan demikian bahagian wanitanya juga telah berfungsi sebagai satu saluran membangkitkan kesedaran politik di kalangan wanita-wanita keturunan India di Singapura secara khusus dan Semenanjung Tanah Melayu secara amnya.

Keterlibatan wanita dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan melalui *NGO-NGO* di atas, sama ada yang terdapat dalam ‘agenda untuk wanita’ yang dirancang oleh pemerintah tentera Jepun atau usaha kumpulan-kumpulan persendirian telah memberikan pelbagai bentuk pendedahan kepada mereka sehingga fungsi wanita yang hanya terkongkong dalam rumah tangga telah mulai beransur-ansur berubah kepada fungsi-fungsi yang melibatkan masyarakat. Wanita juga mendapat pendedahan melalui pengambilan mereka bekerja dalam Kerajaan.

Bagi mengisi jawatan yang dikosongkan oleh golongan lelaki yang sebahagian besarnya diperlukan untuk tujuan ketenteraan, beberapa langkah diambil oleh pemerintah tentera Jepun, sama ada bersifat legalistik, mahupun administratif.

Sebagai contoh, pada penghujung tahun 1944, dikuatkuasakan *Male Employment Restriction Ordinance* bagi melegitimasi tindakan melarang lelaki dalam lingkungan usia 15 hingga 40 tahun daripada menjawat jawatan awam tertentu.<sup>29</sup> Golongan lelaki tidak dibenarkan bekerja sebagai penyambut tetamu, peon, operator telefon, pengendali lif, penjaga taman dan panggung wayang serta kerja-kerja am yang lain.

Bagi mengurus dan mensistematikkan lagi langkah-langkah pengambilan pekerja wanita, sebuah Biro Pekerjaan Wanita telah ditubuhkan dalam tahun 1944 itu. Namun begitu, langkah-langkah melibatkan wanita dalam kegiatan kemasyarakatan, sama ada melalui *NGO-NGO* wanita tajaan pemerintah tentera Jepun atau pengambilan wanita menjawat jawatan-jawatan kerajaan mulai terjejas apabila pemerintah tentera Jepun semakin lemah di penghujung tahun 1944.

Walaupun di atas tadi dibayangkan bahawa di peringkat awal pemerintahan tentera Jepun hampir semua pertubuhan yang sedia ada termasuk *NGO* wanita ‘beku’ akibat suasana perang, namun wanita-wanita yang menganggotai *NGO-NGO* seperti *YWCA*, *MLA*, *MWTU* dan beberapa lagi yang lain (yang ada dibincang dalam zaman prapendudukan Jepun) masih meneruskan interaksi-interaksi mereka yang bersifat kebajikan dan persahabatan.<sup>30</sup> Menurut Halinah Bamadhaj (1975), pergerakan-pergerakan wanita yang wujud sebelum perang, yang sebilangan besarnya dianggotai oleh wanita-wanita elit berpendidikan telah bertambah kukuh dan berkembang semasa Pendudukan Jepun. Tambah beliau lagi, langkah Jepun menaja pertubuhan-pertubuhan wanita telah membabitkan penglibatan ribuan wanita dalam *NGO* dan secara beransur-ansur membangkitkan kesedaran politik di kalangan mereka.<sup>31</sup>

Kesimpulannya, walaupun pada zaman Jepun pertubuhan-pertubuhan wanita sebagaimana juga *NGO-NGO* yang lain, menghadapi pelbagai masalah dan rintangan kerana negeri berada dalam suasana perang, namun kegiatan-kegiatannya secara sederhana masih berterusan. Pemerintah tentera Jepun juga telah secara langsung dan tidak langsung memberikan pelbagai bentuk pendedahan kepada golongan wanita melalui penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Pendedahan-pendedahan itu telah membolehkan wanita ‘menjengah ke luar pagar’ dengan lebih jauh lagi, khususnya di zaman sesudah pendudukan Jepun.

#### **2.4 Pascapendudukan Jepun hingga Pengisytiharan Kemerdekaan 1957: Kesedaran Politik dan Sosial di Ambang Kemerdekaan Negara**

Sesudah pendudukan Jepun, kesedaran politik yang menyeluruh di kalangan masyarakat Melayu dalam menentang penubuhan *Malayan Union* secara tidak langsung juga telah membangkitkan kesedaran politik di kalangan wanita. Mereka bukan sahaja hadir dalam rapat-rapat umum tetapi juga mengambil bahagian dalam mesyuarat-mesyuarat dan terlibat dalam tunjuk-tunjuk perasaan. Kehadiran wanita dalam perhimpunan-perhimpunan telah membuka mata dan meninggalkan kesan kepada dua orang perwakilan parlimen British, iaitu Kapten L.D. Gammons dan Sir Theodore Adams, yang diutuskan untuk meninjau sejauh mana tentangan orang Melayu terhadap cadangan penubuhan *Malayan Union*.<sup>32</sup>

Manifestasi kesedaran politik wanita, terutamanya wanita Melayu yang telah membuka mata pelbagai pihak itu kemudiannya lahir dalam bentuk organisasi seperti Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang dipimpin oleh Aishah Ghani. AWAS merupakan ‘sayap wanita’ kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Bahagian Wanita itu telah ditubuhkan dalam bulan Disember 1945 atas usaha Dr. Burhanuddin, Presiden PKMM. Beliau berpendapat wanita juga mempunyai peranan tersendiri dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan dengan itu diperlukan oleh parti tersebut.<sup>33</sup> Di waktu kemuncaknya, keanggotaan AWAS pernah mencecah seramai 2,000 orang.

Aktiviti-aktiviti utama AWAS termasuklah mengadakan sesi perbincangan bagi meningkatkan kesedaran nasionalisme dan persamaan hak antara lelaki dengan wanita di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura di samping bekerjasama dengan aktivis-aktivis wanita dari Indonesia dan menyediakan forum bagi mereka. Dalam tahun 1947, Shamsiah Fakeh telah mengambil alih kepimpinan AWAS bagi menggantikan Aishah Ghani.<sup>34</sup> Di bawah kepimpinan Shamsiah Fakeh, AWAS menjadi lebih aktif dan dinamik dalam membangkitkan kesedaran sosial dan politik. Apabila darurat diisytharkan dalam tahun 1948, AWAS telah diharamkan bersama-sama beberapa pertubuhan berhaluan kiri yang lain.

Pertubuhan-pertubuhan wanita Cina yang berhaluan kiri khususnya melalui *Women's Federation* di bawah pimpinan Lee Kin (Presiden pertama Persekutuan berkenaan) juga terlibat dalam politik kepartian bagi menentang pemerintahan British di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Persekutuan itu ditubuhkan di Singapura dalam bulan Mei 1946. Dapat dikatakan bahawa ideologi Persekutuan berkenaan dipengaruhi fahaman komunisme antarabangsa memandangkan *Women's Federation* mempunyai hubungan dengan *Women's International Democratic Federation* (organisasi wanita berfahaman komunis di peringkat antarabangsa). Keanggotaan *Women's Federation* sebahagian besarnya terdiri daripada wanita dan remaja perempuan berpendidikan Cina.

Antara lain, tujuan penubuhan *Women's Federation* ialah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan wanita Cina agar terlibat secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan, termasuk politik. Bagi memantapkan suara wanita dalam politik, Persekutuan tersebut mengambil langkah membentuk *All Malaya Women's Federation (AMWF)* bersama-sama dengan 11 cawangannya di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, dengan keanggotaan seramai kira-kira 20,000 orang.<sup>35</sup> Dalam bulan Januari 1947, *AMWF* telah melibatkan diri menentang cadangan penubuhan *Malayan Union*. Persekutuan itu beranggapan penubuhan *Malayan Union* di bawah Kerajaan British merupakan satu bentuk penerusan penjajahan kapitalisme antarabangsa (Means, 1970). Selain itu, isu-isu yang khusus mengenai kepentingan wanita seperti pendidikan, pekerjaan dan persamaan hak antara wanita dengan lelaki juga diketengahkan.

Dalam satu perjumpaan yang diadakan di Kuala Lumpur, ahli-ahli dari pelbagai cawangan Persekutuan tersebut telah meluluskan satu resolusi yang menuntut persamaan hak untuk wanita di Tanah Melayu. Persekutuan itu juga turut berpendirian menyetujui prinsip-prinsip *All Malayan Council of Joint Action (AMCJA)* yang menentang cadangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Sejajar dengan itu, *AMWF* telah bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan berhaluan kiri yang lain menganggotai *AMCJA*. Apabila darurat diisytiharkan dalam tahun 1948, *AMWF* juga – sebagaimana AWAS di atas – telah diharamkan kerana didakwa diresapi pengaruh komunisme dan unsur-unsur radikalisme.

Dalam tempoh yang hampir sama, *NGO-NGO* wanita Melayu yang tidak dianggap radikal sebagaimana pertubuhan-pertubuhan di atas tumbuh dengan banyaknya di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.

Antara yang terawal ditubuhkan ialah Kaum Ibu Rembau, Negeri Sembilan, dalam bulan Mac 1946, di bawah pimpinan Halimahton Abdul Majid. Pertubuhan ini telah mendapat restu golongan istana dengan kesudian Tengku Ampuan Negeri Sembilan menaunginya. Penubuhan Kaum Ibu Rembau itu telah diikuti dengan penubuhan banyak pertubuhan wanita lain di bandar-bandar utama Semenanjung Tanah Melayu, sama ada di Pantai Barat mahupun Pantai Timur. Sehingga Disember 1946 sahaja, dicatatkan terdapat sekurang-kurangnya 10 pertubuhan wanita Melayu yang aktif di bandar-bandar utama Semenanjung Tanah Melayu seperti di Kluang, Muar, Pontian, Taiping, Kuala Krai, Ulu Langat, Melaka, Seremban, Kuantan dan Perak Hilir.<sup>36</sup> Selain Kaum Ibu Rembau di atas, tiga pertubuhan wanita lain yang didapati aktif ialah Persatuan Kaum Ibu Selangor yang ditubuhkan pada 17 Februari 1946, pimpinan Saleha Mohamed Ali, Kumpulan Ibu Sepakat, Johor, pimpinan Zainun bte Munshi Sulaiman dan Persatuan Melayu Perak cawangan Ipoh, pimpinan Puteh Mariah Rashid.

Pada amnya, pertubuhan-pertubuhan wanita di atas mempunyai matlamat yang hampir sama, iaitu meningkatkan status wanita dalam masyarakat, menubuhkan kelas-kelas agama untuk meningkatkan perpaduan, kecintaan kepada tanah air dan patriotisme, meningkatkan kadar celik huruf di kalangan wanita dan menentang cadangan penubuhan *Malayan Union*.<sup>37</sup> Perkembangan signifikan selanjutnya ialah persetujuan sebahagian besar daripada pertubuhan-pertubuhan Kaum Ibu berkenaan menganggotai Kaum Ibu *UMNO* (diketuai Puteh Mariah) dalam bulan September 1949 untuk bersama-sama dengan *UMNO* meningkatkan status orang-orang Melayu, seterusnya menuntut kemerdekaan.

Penubuhan Kaum Ibu *UMNO* dan peranannya dalam pilihan raya telah mempengaruhi penubuhan ‘sayap wanita’ parti-parti politik yang lain, sama ada dalam Perikatan maupun parti-parti pembangkang. Sebagai contoh, penubuhan ‘sayap wanita’ *MCA* cawangan Johor Bahru (ditubuhkan dalam bulan November 1953, di bawah pimpinan Lim Swee-sim);<sup>38</sup> Bahagian Wanita Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (*Independent Malayan Party* = *IMP*) dan Parti Negara (kedua-duanya dipimpin oleh Puteh Mariah yang telah keluar daripada *UMNO*);<sup>39</sup> Dewan Muslimat (Bahagian Wanita Pan Malayan Islamic Party, ditubuhkan dalam tahun 1956 di bawah pimpinan Zubaidah Ali);<sup>40</sup> dan Wanita Rakyat (Bahagian Wanita PRM, ditubuhkan dalam bulan Februari 1957 di bawah pimpinan Zainab Ahmad).<sup>41</sup>

Daripada ‘sayap wanita’ parti-parti politik yang dinyatakan di atas, hanya Kaum Ibu *UMNO* yang memainkan peranan menonjol dalam memobilisasi tenaga wanita sehingga sampai ke ceruk-ceruk kampung dalam tahap ini. Dalam konteks politik kepartian, ‘sayap wanita’ itu – khususnya di bawah pimpinan Zain Suleiman, Khadijah Sidek dan Fatimah Hashim – telah menjadi agen yang berkesan bagi *UMNO* sebagai ‘perayu undi’ untuk memastikan kemenangan calon-calon *UMNO* secara khusus dan Perikatan secara amnya, dalam pilihan raya sebelum merdeka itu. Walau bagaimanapun, komitmen ‘sayap wanita berkenaan’ terhadap parti induknya – *UMNO*, terutamanya dalam menentukan calon-calon *UMNO* dan Parti Perikatan menang dalam pilihan raya telah memberi kesan terhadap peranannya dalam mengetengahkan isu-isu wanita yang menjadi keprihatinan Kaum Ibu berkenaan. Isu-isu yang dimaksudkan itu termasuklah yang berkaitan undang-undang perkahwinan dan perceraian yang lebih adil dan peluang pendidikan yang lebih tinggi bagi remaja perempuan Melayu.

Sementara itu, pengaruh emansipasi wanita mula meningkat di rantau Asia Tenggara dalam zaman pascaperang. Kegiatan bagi menjaga kebajikan dan memberi perkhidmatan di kalangan *NGO-NGO* wanita lain mula beransur-ansur aktif kembali. Perkembangan ini dapat dilihat dengan penubuhan beberapa buah *NGO* wanita seperti Himpunan Wanita Indonesia-Malaya, *Muslim Women Welfare Association, Singapore Women's Association, Women's Service League, Women's Institute* dan beberapa lagi *NGO* wanita lain.

Daripada perkembangan itu, secara umum dapat dikatakan terdapat dua kategori *NGO* wanita dalam zaman kesedaran politik dan sosial di ambang kemerdekaan negara ini, iaitu yang terlibat dalam aktiviti politik kepartian (*partisan politics*) dan yang bertujuan menjaga kebajikan dan memberi perkhidmatan.

Antara *NGO* wanita yang bertujuan menjaga kebajikan dan memberi perkhidmatan terawal pada ketika itu ialah *Women's Service League (WSL)*. Organisasi ini diasaskan dalam bulan Oktober 1946 oleh Lady Gent, isteri kepada Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu. Pemimpin tertingginya terdiri daripada isteri-isteri pentadbir Kerajaan Kolonial British. Aktiviti-aktiviti penjagaan kebajikan dan penyediaan perkhidmatannya melibatkan wanita pelbagai etnik. Antara lain sumbangannya adalah menggerakkan persatuan pandu puteri, mengadakan kursus pemakanan bagi wanita luar bandar, kursus pertolongan cemas serta menyediakan khidmat jagaan kanak-kanak dan pendidikan. Kegiatan-kegiatannya mendapat sokongan dan kerjasama pihak istana dan kerajaan Selangor dan Negeri Sembilan serta agensi-agensi kerajaan yang lain.

Khusus bagi wanita Muslim, beberapa buah *NGO* wanita telah ditubuhkan dalam tahap awal zaman selepas pendudukan Jepun itu. Antara yang terpenting ialah *Muslim Women's Welfare Association (MWWA)*. *MWWA* telah diasaskan oleh Zahara Mohamed Noor dalam bulan Oktober 1947 di Singapura. Objektif utama pertubuhan itu adalah untuk mengetengahkan isu-isu berkaitan dengan amalan diskriminasi terhadap wanita. Antaranya, masalah kahwin paksa dan perceraian mudah terhadap wanita, pengabaian terhadap golongan ibu tunggal serta aspek-aspek ketidaksamaan hak antara wanita dengan lelaki.

Bagi mencapai objektifnya itu, *MWWA* mengadakan sesi-sesi perbincangan, ceramah dan perarakan. Beberapa aktivitinya seperti menaja dan terlibat dalam perarakan mendapat kritikan umum kerana didakwa bertentangan dengan agama dan memecah tradisi ketimuran.<sup>42</sup> Di satu pihak, tergambar adanya dalam masyarakat golongan wanita yang menginginkan modenasi yang berhasil daripada bibit-bibit emansipasi. Di satu pihak yang lain pula, terdapat suara lantang, termasuk wanita, yang menyokong amalan-amalan tradisional. Pergeseran nilai itu menunjukkan terdapatnya unsur dinamisme pergerakan wanita ketika itu, yang menunjukkan percikan emansipasi wanita di negara ini bergerak dalam pelbagai hala (moden, tradisional dan bentuk-bentuk lain).

Dalam bulan Disember 1947 itu juga, sebuah *NGO* wanita lain, iaitu Himpunan Wanita Indonesia-Malaya (HIWIM) juga ditubuhkan, di bawah pimpinan Khadijah Sidek. HIWIM merupakan sebuah badan kebajikan yang bertujuan merapatkan hubungan antara wanita-wanita Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah mengadakan kelas-kelas memasak dan menjahit. HIWIM turut mengandungi bahagian kebajikan

kematian untuk ahli-ahlinya.<sup>43</sup> Khadijah Sidek juga telah menubuhkan *NGO* wanita yang khusus bagi wanita Singapura, iaitu Persatuan Wanita Melayu Singapura (PWMS). Aktiviti-aktiviti *NGO* berkenaan hampir serupa seperti HIWIM di atas.

*NGO* wanita lain yang kecenderungan aktivitinya hampir serupa dengan *WSL* yang disebut sebelum ini ialah *Women's Institute (WI)*. *WI* ditubuhkan pada 5 November 1952 di Pulau Pinang oleh Lady Templer, isteri Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu. Di samping menjalankan aktiviti-aktiviti yang hampir serupa dengan aktiviti yang dianjurkan *WSL* di atas, badan itu juga mendapat kerjasama pemerintah dan agensi-agensi Kerajaan. Pertubuhan itu telah meneruskan peranan *WSL* apabila pertubuhan tersebut tidak lagi aktif pada tahun 1952 dan dibubarkan setahun kemudian.

*NGO* wanita ‘kecinaan’<sup>44</sup> yang bertujuan menjaga kepentingan sosio-kebajikan dan memberi perkhidmatan juga telah ditubuhkan dalam zaman pascapendudukan Jepun itu. Beberapa yang terpenting ialah *Women's Union*, Persatuan Wanita Pulau Pinang, *Selangor Women's Relief Association* dan Liga Wanita Cina. Antara *NGO* wanita kecinaan yang awal ialah *Women's Union* yang ditubuhkan dalam bulan Disember 1945 di Johor Bahru. Walaupun pada dasarnya keanggotaan *NGO* itu dibuka kepada semua kaum, namun majoriti ahlinya adalah wanita Cina. Isu-isu sosial yang diperjuangkan dan perkhidmatan yang disediakan pun lebih mirip kepada masalah sosial dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh wanita dari etnik Cina. Antara isu-isu dan perkhidmatan yang dimaksudkan ialah larangan amalan pelacuran dan program pemulihan bagi bekas pelacur serta kemudahan bersalin percuma bagi pekerja-pekerja hospital wanita. Aktiviti-aktiviti lain pula termasuklah

penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dan penubuhan sebuah sekolah yang memberi pendidikan percuma kepada kanak-kanak perempuan.<sup>45</sup>

Sebuah *NGO* wanita kecinaan yang lain ialah Persatuan Wanita Pulau Pinang (PWPP) yang ditubuhkan pada 11 Januari 1946. Walaupun dari segi keanggotaan PWPP dibuka kepada semua etnik, namun sebagaimana *Women's Union* juga, majoriti ahlinya adalah wanita berketurunan Cina. Objektif penubuhannya adalah bagi meningkatkan status sosial wanita dalam masyarakat dan menyediakan perkhidmatan pendidikan. Bagi memastikan remaja perempuan mendapat pendidikan yang lebih sempurna, *NGO* berkenaan telah menubuhkan kelas-kelas malam. Majoriti remaja perempuan yang menghadiri kelas-kelas yang diadakan adalah remaja perempuan etnik Cina.

Sebuah *NGO* wanita kecinaan yang juga penting di peringkat awal zaman selepas pendudukan Jepun itu ialah *Selangor Women's Relief Association (SWRA)* yang ditubuhkan dalam bulan April 1946. Menyedari tumbuhnya beberapa perkumpulan kecil wanita di kawasan negeri Selangor, khususnya di kalangan etnik Cina, langkah-langkah diambil oleh beberapa pemimpin wanita masyarakat Cina bagi menggabungkan kumpulan-kumpulan berkenaan dalam sebuah organisasi payung. Satu perjumpaan yang disertai 36 pemimpin wanita Cina telah diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan April 1946 untuk membincangkan masalah-masalah wanita, khususnya masalah buruh wanita yang semakin meningkat selepas perang dan keperluan mendapatkan pendidikan percuma untuk masa depan anak-anak mereka. Lanjutan daripada pertemuan itu, *SWRA* telah ditubuhkan.

Satu lagi *NGO* wanita lain bagi etnik Cina yang aktif pada ketika itu ialah Liga Wanita Cina yang ditubuhkan di beberapa buah bandar utama di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura dalam tahun 1946 dan 1947. Antara cawangannya yang aktif ialah Liga Wanita Perak. Aktiviti-aktivitinya juga sama seperti *NGO-NGO* kecinaan di atas iaitu untuk menjaga kebijakan dan memberi perkhidmatan, khususnya untuk wanita dan remaja Cina.

Apabila *Women's Federation* di bawah kepimpinan Lee Kin (yang telah dibincangkan sebelum ini) mengambil langkah menggabungkan seberapa banyak pertubuhan-pertubuhan wanita yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura dalam *AMWF*, *NGO-NGO* kecinaan yang pada awalnya bertujuan untuk menjaga kebijakan dan memberi perkhidmatan di atas telah bergiat dalam politik kepartian berhaluan kiri. Pengisytiharan Darurat 1948 yang telah membawa kepada ‘pengharaman’ pertubuhan-pertubuhan berhaluan kiri termasuk pertubuhan-pertubuhan wanita kecinaan yang menganggotai *AMWF* yang dibincang di atas tadi telah melumpuhkan kegiatan-kegiatan *NGO* berkenaan. Malahan, Dancz (1987: 228) mendapati tempoh Darurat (1948-1960) dari satu segi ditanggapi oleh kebanyakan masyarakat Cina pada ketika itu sebagai satu tempoh larangan bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

Dalam zaman itu, kelibat *NGO* wanita India juga terlihat, bermula dengan penubuhannya di Negeri Sembilan pada akhir tahun 1945. *NGO* tersebut merupakan antara beberapa pertubuhan wanita yang aktif mengadakan sesi-sesi pertemuan dan mesyuarat-mesyuarat bagi membincangkan isu kepentingan wanita India. Dalam mesyuarat khas *MIC* yang diadakan di Kuala Lumpur dalam bulan November 1946,

pemimpin tertinggi kongres itu, John A. Thivy misalnya, dalam ucapannya telah menggesa wanita India agar lebih aktif melibatkan diri dalam politik.<sup>46</sup>

Beberapa perkembangan lain dalam zaman pascapendudukan Jepun itu ialah kemunculan semula beberapa buah *NGO* yang telah bergiat dalam zaman sebelumnya. Antara yang terpenting ialah *YWCA*, *Women Teachers Union*, *Isteri Milap*, *Isteri Sat Sangh Sabha* dan beberapa lagi *NGO* wanita lain. Dua buah *NGO* wanita Sikh yang wujud sebelum perang telah muncul semula iaitu *Isteri Milap* dan *Isteri Sat Sangh Sabha*. Kedua-dua buah *NGO* wanita itu telah bergabung dalam tahun 1949 dan menumpukan usaha-usahanya dalam bidang kebudayaan dan agama, drama, nyanyian dan seminar-seminar mengenai agama Sikh. *NGO* berkenaan telah mendesak agar kanak-kanak perempuan Punjabi diberi pendidikan (dalam bahasa Punjabi) dan menerbitkan dua buah majalah iaitu *Milap* dan *Isteri Sansar*.

Satu lagi perkembangan lain dalam zaman itu ialah meningkatnya kegiatan wanita dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Kemuncak daripada kegiatan-kegiatan itu ialah pengiktirafan sumbangan tenaga wanita sebagai buruh dengan pemberian gaji yang sama bagi pekerja ladang wanita dan lelaki. Khas mengenai buruh wanita, kebanyakannya penoreh getah wanita telah menerima bayaran gaji yang sama dengan lelaki menjelang tahun 1953 hasil rundingan yang diadakan oleh *Plantation Workers Union* dalam tahun 1950.<sup>47</sup> Walau bagaimanapun, organisasi wanita yang khusus atau suborganisasi wanita bagi menampung tuntutan-tuntutan buruh wanita masih belum diwujudkan sehingga selepas kemerdekaan dicapai.

Sungguhpun *NGO-NGO* wanita telah ditubuhkan dengan banyak, perkembangan aktiviti-aktivitinya ‘terselindung’ oleh kepesatan aktiviti-aktiviti parti-parti politik bagi persiapan Pilihan Raya Majlis Bandaran 1951 dan 1952, Pilihan

Raya Umum 1955 dan persiapan ke arah kemerdekaan 1957. Sumber kepimpinan wanita telah dimanfaatkan untuk aktiviti-aktiviti berkempen, sama ada dalam pemilihan parti mahupun pilihan raya. Selain itu, kurangnya kesinambungan kepimpinan wanita dalam beberapa *NGO* yang antara lainnya disebabkan oleh kembalinya pemimpin berkenaan ke tanah asal atau ketiadaan kewibawaan pemimpin selepasnya telah memperlakukan dinamika peranan *NGO* wanita secara keseluruhannya dalam tahap ini.

Pengharaman berpuluhan-puluhan *NGO* wanita yang diresapi unsur-unsur komunisme dan radikalisme, khususnya di kalangan *NGO-NGO* kecinaan, telah menjelaskan penerusan kegiatan-kegiatan dan fungsinya. Hanya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, baru langkah-langkah yang lebih strategis diambil oleh *NGO-NGO* wanita bagi meneruskan kegiatan dan peranannya dalam membangkitkan kesedaran, di samping menjaga kebijakan dan menyediakan perkhidmatan kepada kaum wanita secara khusus dan masyarakat secara amnya.

## **2.5    Tahun-tahun Awal Kemerdekaan hingga 1980: Peningkatan Pengaruh Gerakan Emansipasi Wanita dan Keperluan Mewujudkan Jaringan Kerja**

Kemerdekaan yang dicapai pada 1957 telah memberikan ruang dan peluang yang lebih luas kepada penggiat sosial wanita dan meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan bagi membela kepentingan dan menjaga kebijakan wanita. Tenaga kepimpinan wanita yang sebelum ini dimanfaatkan untuk membantu usaha-usaha ke arah kemerdekaan telah dapat digunakan untuk sama-sama terlibat dalam agenda pembinaan negara bangsa yang merdeka. Dalam tahun-tahun awal kemerdekaan, pengaruh dan gerakan ‘emansipasi wanita’ semakin berkembang melalui berbagai-bagai kegiatan termasuk

sambutan Hari Wanita Antarabangsa (yang diadakan pada 8 Mac setiap tahun) yang kebiasaannya diisi juga dengan kegiatan-kegiatan seperti persidangan, seminar dan bengkel bagi membincangkan isu-isu wanita serta pameran dan pengedaran risalah-risalah.

Usaha-usaha mengembangkan organisasi dan aktiviti serta mewujudkan jaringan kerja antara pertubuhan-pertubuhan wanita ditingkatkan dengan penyusunan strategi-strategi yang lebih teratur. Serentak dengan itu, dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an tersebut bahagian-bahagian wanita dalam parti-parti politik juga memperkemas kegiatan mereka.

Beberapa buah *NGO* wanita seperti *Women Teachers Union*, *WI*, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia, *YWCA* dan beberapa lagi *NGO* wanita yang lain merupakan antara *NGO* wanita terawal menggerakkan aktiviti-aktiviti bagi mengisi kemerdekaan yang dicapai. Sebagai contoh, bagi memastikan kebijakan dan kepentingan guru-guru terbela, kesatuan-kesatuan guru yang ada di Tanah Melayu dan Singapura mula mengambil langkah mengembangkan organisasi dan aktiviti masing-masing sejurus selepas kemerdekaan itu.

Dalam tahun 1960, langkah yang lebih sistematik diambil dengan penubuhan *Women's Teachers Union of the Federation of Malaya (WTU)* di bawah pimpinan F.R. Bhupalan dalam bulan Mac tahun itu. Penubuhan *WTU* yang sebahagiannya berhasil daripada pengaruh emansipasi wanita ketika itu telah menjadi saluran bagi pemimpin-pemimpin guru wanita mengetengahkan isu-isu yang menyentuh ‘periuk nasi’ dan kebijakan mereka seperti bayaran gaji yang sama, amalan diskriminasi ke atas wanita bekerja yang telah berkahwin dan cuti bersalin bergaji dengan lebih teratur dan sistematik.<sup>48</sup>

Selain *WTU* di atas, *WI* (telah dibincangkan sepintas lalu dalam tahap sebelum ini) juga telah mengambil langkah mengembangkan organisasi dan meningkatkan jaringan kerja dengan *WI* yang telah ditubuhkan di beberapa negeri lain. Antara lain, kegiatan-kegiatan utamanya ialah memberi kredit kecil-kecilan, mengadakan kursus pengurusan perniagaan kecil-kecilan, di samping aktiviti-aktiviti tradisional yang lain seperti kelas-kelas memasak dan menjahit untuk meningkatkan kemahiran pengurusan rumah tangga.

Dengan penubuhan sebuah persatuan di peringkat nasional, iaitu *National Association of Women's Institute of Malaya (NAWIM)* dalam tahun 1960 (di bawah pimpinan Khamsiah Abdul Majid) yang menaungi semua *WI* yang telah ditubuhkan di beberapa buah negeri di atas, kegiatannya semakin meluas sehingga sampai ke ceruk-ceruk kampung. Malah dapat dikatakan bahawa *NAWIM* merupakan *NGO* wanita yang aktif mengambil bahagian dalam isu-isu kemajuan masyarakat di peringkat akar umbi. Bagi memastikan wanita, khususnya wanita desa dilibatkan dalam memajukan ekonomi secara menyeluruh, *NGO* ini telah menubuhkan cawangan-cawangan kecilnya di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk memastikan lebih ramai lagi wanita desa mendapat faedah daripada kegiatan yang dianjurkannya, langkah-langkah diambil secara bekerjasama dengan cawangan-cawangan Kaum Ibu *UMNO* yang berhampiran.

Sebuah *NGO* wanita yang khusus bagi wanita dan remaja perempuan Islam juga aktif dalam tahap ini, iaitu Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPI). LKPI ditubuhkan dalam bulan Mei 1961 oleh Tunku Puan Besar Khursiah (bekas Raja Permaisuri Agung yang pertama) bersama-sama dengan beberapa orang tokoh dan aktivis wanita Melayu seperti Puteh Mariah, Aminah Bahaman, Fatimah Musa, Safiah Majeed dan Salmah Shamsuddin. Tujuan penubuhan

*NGO* berkenaan ialah menyediakan saluran untuk membolehkan wanita Islam membincangkan masalah mereka, membantu golongan yang kurang berasib baik (golongan tua, miskin dan cacat) dan menyediakan khidmat sokongan kepada pelajar-pelajar dan pekerja perempuan luar bandar yang berada di bandar (Kuala Lumpur).

Antara lain, ada dicatatkan aktiviti-aktiviti dan sumbangan utama *NGO* wanita berkenaan dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an termasuklah mengadakan kelas agama, menyediakan kemudahan asrama untuk perempuan-perempuan Islam yang datang bekerja atau belajar di Kuala Lumpur, melobi untuk meminda dan memperketatkan undang-undang mengenai perkahwinan dan perceraian untuk orang-orang Islam dan melobi untuk meningkatkan peluang pendidikan bagi perempuan-perempuan Melayu.<sup>49</sup> Mulai tahun 1970-an LKPIM mendapat tarikan golongan muda. Ini dapat dilihat melalui peningkatan keanggotaan *NGO* tersebut yang mencecah sehingga kira-kira 4,000 orang dalam tahun 1976.<sup>50</sup>

Pengaruh kesedaran emansipasi wanita yang semakin meningkat dan keperluan mengadakan jaringan kerja yang lebih besar dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain telah mendorong beberapa orang pemimpin *NGO* wanita menggabungkan *NGO-NGO* wanita yang ada di bawah satu gabungan/majlis. Langkah berkenaan telah diusahakan oleh pemimpin-pemimpin *YWCA* di Persidangan Perwakilan Dwitahunan *NGO* tersebut dalam tahun 1960. Dalam persidangan itu, satu resolusi bagi pertubuhan sebuah Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita telah dicapai dan sebuah jawatankuasa sementara dibentuk, dipengerusikan oleh F.R. Bhupalan (aktivis *YWCA* yang juga Presiden *WTU* ketika itu).

Bagi mengerakkan idea penubuhan majlis berkenaan dan mendapatkan kerjasama penggiat wanita yang lain, wakil pertubuhan-pertubuhan wanita dijemput menganggotai Jawatankuasa terbabit. Jemputan itu mendapat reaksi yang menggalakkan dan lapan *NGO* wanita telah terpilih mewakili jawatankuasa sementara penubuhan majlis kebangsaan berkenaan. Keanggotaan jawatankuasa itu terdiri daripada *YWCA*, *NAWIM*, *WTU*, *LKPIM*, *Malayan Trained Nurses Association*, *Girl Guides of Malaya*, *Pan-Pacific South-East Asian Women's Association* dan *Women's International Club*.<sup>51</sup>

Sementara itu, dalam bulan Mei 1962, Kaum Ibu UMNO (di bawah pimpinan Fatimah Hashim) telah menganjurkan satu mesyuarat antara pertubuhan-pertubuhan wanita untuk merayakan Hari Wanita pertama (sambutan Hari Wanita peringkat nasional, sebagaimana sambutan di peringkat antarabangsa). Pengalaman mewujudkan jaringan kerja sesama pertubuhan wanita dalam menjayakan sambutan Hari Wanita pertama telah memberikan dorongan kepada bahagian-bahagian wanita parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain untuk menganggotai Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita yang dicadangkan sebelum ini. Kemuncak daripada kegiatan menyelaras dan menggabungkan pelbagai pertubuhan wanita itu ialah tertubuhnya *National Council of Women's Organizations (NCWO)* pada 25 Ogos 1963 (Kamsiah bte Abdul Majid, Presiden *WI* yang disebut di awal tadi merupakan Presiden pertama Majlis berkenaan).

Dengan wujudnya *NCWO* dan semakin meluasnya kesedaran emansipasi wanita, kegiatan *NGO* wanita tidak lagi setakat membela kepentingan dan menjaga kebijakan semata-mata malah langkah-langkah agitasi (penentangan) terhadap undang-undang yang diskriminatif ke atas wanita semakin giat diambil. Hasil

daripada kegiatan-kegiatan *NCWO* berkenaan, beberapa kemajuan wanita yang signifikan dicapai pada penghujung tahun 1960-an dan sepanjang dekad 1970-an.<sup>52</sup>

Selanjutnya, langkah-langkah menubuhkan bahagian wanita kesatuan-kesatuan sekerja mula diusahakan bagi menampung isu-isu berkaitan kepentingan dan kebijakan pekerja-pekerja wanita yang semakin banyak dan pelbagai. Jika sebelumnya (zaman prapendudukan Jepun dan pascapendudukan Jepun hingga pengisytiharan kemerdekaan 1957) tuntutan-tuntutan untuk kebijakan wanita disalurkan melalui organisasi yang tidak khusus berlabelkan wanita, tetapi mulai dekad 1960-an itu langkah-langkah dan strategi-strategi yang lebih spesifik telah diambil bagi menyalurkan tuntutan-tuntutan tersebut, iaitu dengan menubuhkan bahagian wanita dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Ini dapat dilihat dengan semakin bercambahnya bahagian wanita kesatuan-kesatuan sekerja dalam tahap itu.

Dalam tahun 1965, langkah-langkah dibuat untuk menubuhkan bahagian wanita *Malayan Trade Union Congress (MTUC)* bagi menampung peranan dan tuntutan pekerja-pekerja wanita dalam sektor swasta. Objektif bahagian wanita *MTUC* ini adalah untuk meningkatkan taraf hidup pekerja-pekerja wanita, menggabungkan pekerja-pekerja wanita di bawah satu kesatuan dan meningkatkan kesedaran mengenai hak-hak pekerja wanita dari segi undang-undang. Antara lain, bagi mencapai objektif di atas, beberapa langkah diambil seperti menganjurkan ceramah, mengadakan kursus-kursus kepimpinan, menjalankan kempen bagi meningkatkan pengetahuan mengenai hak-hak pekerja khususnya pekerja wanita, seperti yang terkandung dalam undang-undang buruh serta menyediakan asrama bagi wanita-wanita yang bekerja di kilang-kilang.<sup>53</sup> Langkah-langkah yang hampir sama juga diambil oleh pekerja-pekerja wanita dalam sektor kerajaan dengan menubuhkan

*Women's Action Front* (Bahagian Wanita Congress of Union of Employees in the Public and Civil Service – CUEPACS) dalam bulan Januari 1968. Bahagian wanita ini secara langsung atau tidak langsung telah terlibat menuntut bayaran gaji yang sama antara lelaki dengan wanita sebagaimana yang dilakukan oleh *WTU* yang dibincangkan sebelum ini.

Melihatnya tertubuhnya pelbagai *NGO* wanita yang mewakili pelbagai golongan seperti sektor politik (misalnya Kaum Ibu UMNO), sektor perguruan (*WTU*) dan sektor perkhidmatan awam (*Women's Action Front – CUEPACS*) serta *NCWO* yang mewakili pelbagai sektor seperti sosial, kebajikan, pendidikan dan lain-lain, pemimpin-pemimpin wanita mula menyedari terdapatnya potensi yang besar dalam memastikan tuntutan dan hasrat mereka tersalur ke dalam badan-badan Kerajaan. Oleh itu langkah-langkah diambil untuk mengadakan kerjasama yang lebih rapat dalam satu jaringan kerja yang lebih besar. Keanggotaan Kaum Ibu *UMNO* dalam jaringan kerja yang besar dan adanya pengaruh pemimpin-pemimpin tertingginya seperti Fatimah Hashim dan Aishah Ghani secara langsung atau tidak langsung telah memudahkan tuntutan-tuntutan dan suara-suara berkenaan tersalur kepada Kerajaan. Satu kejayaan besar yang dicapai oleh wanita hasil daripada kerjasama dan jaringan kerja itu ialah pembayaran gaji yang sama bagi pekerja lelaki dan wanita dalam tahun 1969 (dikuatkuasakan dalam tahun 1971) di samping faedah-faedah dan keistimewaan-keistimewaan lain.

Beberapa perkembangan signifikan yang juga wajar diberi perhatian dalam tahap ini ialah penubuhan beberapa *NGO* wanita lain dan bahagian-bahagian wanita parti politik di peringkat nasional. Antara yang terpenting ialah penubuhan Persatuan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), yang dilancarkan pada 16 November 1967.<sup>54</sup>

Penubuhan PERTIWI telah diasaskan oleh beberapa orang aktivis termasuk Aishah Ghani (pimpin Kaum Ibu *UMNO* pada ketika itu), Azah Aziz (wartawan Utusan Melayu) dan Zakiah Hanum (Ketua Pustakawan Arkib Negara). Tokoh-tokoh dan aktivis-aktivis lain termasuklah Zaleha Jalil, Habibah Manan, Ramlah Abdul Hamid dan Rugayah Rashid.

Objektif penubuhan PERTIWI adalah untuk meningkatkan status sosial dan ekonomi wanita Melayu melalui pendidikan. Bagi mencapai objektif di atas, *NGO* berkenaan telah menghasilkan bahan-bahan penerbitan dan menganjurkan seminar-seminar serta sesi-sesi perbincangan. Selain itu, PERTIWI juga terlibat dalam meningkatkan kesedaran di kalangan wanita tentang undang-undang keluarga Islam, misalnya menyebarkan pengetahuan kepada wanita Islam tentang hak-hak mereka dalam perkahwinan. PERTIWI merupakan antara beberapa ahli gabungan *NCWO* yang aktif dalam mengetengahkan isu-isu wanita.

Kelibat wanita dalam ‘sayap wanita’ parti-parti politik juga terlihat meskipun peranannya tidaklah sebesar peranan Kaum Ibu *UMNO* yang telah dibincang sepantas lalu dalam tahap sebelum ini. Langkah-langkah menubuhkan dan menggiatkan beberapa bahagian wanita parti-parti politik lain, khususnya di peringkat nasional juga diambil, bermula dengan penubuhan Bahagian Wanita Parti Buruh (1962, pimpinan P.G. Lim), Wanita Gerakan Kebangsaan (1971, Ganga Nayar), Jawatankuasa Kebangsaan Wanita *DAP* (1972, Tan Chui-swee), Wanita Pekemas (1972, Norashikin Yusof), *MCA* (1975, Rosemary Chong), *MIC* (1975, pimpinan Meenambal Arumugam) dan beberapa lagi bahagian wanita parti-parti politik yang lain. Selain bertanggungjawab terhadap parti induk masing-masing, bahagian wanita parti-parti

politik itu juga mengetengahkan isu-isu yang khusus bagi kepentingan dan kebajikan wanita.

Sebagai contoh, ‘sayap wanita’ Parti Buruh yang dipimpin oleh P.G. Lim (seorang peguam dan kemudiannya dilantik sebagai duta ke Yugoslavia) di atas telah mengetengahkan beberapa isu seperti bayaran upah yang sama untuk pekerja lelaki dan wanita, hak-hak wanita dalam perkahwinan dan isu-isu ketidakadilan terhadap wanita yang lain. Walau bagaimanapun, peranan wanita dalam parti-parti politik di atas khususnya di kalangan parti-parti pembangkang beransur-ansur berkurangan, yang sebahagiannya disebabkan oleh faktor-faktor seperti kekalahan parti induknya dalam pilihan raya, penahanan pemimpin-pemimpin utamanya di bawah *ISA* serta pengharaman dan pembubaran parti.

Pengaruh emansipasi wanita terhadap *NGO* wanita semakin bertambah kuat menjelang tahun-tahun 1970-an, khususnya jika ditinjau dari segi perubahan corak aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita yang ada di Malaysia pada ketika itu. Hasil analisis yang dijalankan terhadap peranan tiga buah *NGO* wanita, iaitu *NCWO*, *YWCA* dan *WI*, Nik Safiah Karim (1990: 105-106) ada menyebut:

...Dapat disimpulkan bahawa bidang kegiatan pertubuhan-pertubuhan wanita pada akhir tahun enam puluhan dan sepanjang tahun tujuh puluhan telah meluas, untuk meliputi bidang dan minat baharu, serta untuk memenuhi keperluan-keperluan baharu.... Pendedahan kepada pendidikan telah menghasilkan golongan wanita yang lebih terpelajar daripada yang sebelumnya. Corak kepimpinan juga berubah; demikian juga bidang-bidang yang mendapat penekanan. Di samping menyusun rancangan-rancangan untuk memenuhi keperluan masyarakat, mereka juga memberikan perhatian kepada isu-isu. Mereka mula menimbulkan persoalan-persoalan tentang ekonomi, politik dan sosial...<sup>55</sup>

Ringkasnya, kenyataan beliau di atas dan beberapa perkara yang menjadi tumpuan aktiviti-aktiviti *NGO* wanita dalam tahun-tahun 1970-an seperti yang disentuh selanjutnya dapat menggambarkan perubahan berkenaan. Antaranya, perwakilan wanita dalam Majlis Hal Ehwal Agama Islam, penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian Orang-orang Bukan Islam, perkhidmatan wanita sebagai juri, pencen bagi wanita-wanita yang berkahwin dan kedudukan rasmi bagi isteri pertama.<sup>56</sup>

Perubahan kegiatan *NGO-NGO* di atas, iaitu daripada yang bersifat ‘tradisional’ kepada ‘moden’ dipercepat lagi dengan berkembang dan meningkatnya pengaruh gerakan feminism antarabangsa, khususnya selepas Persidangan Wanita Sedunia Pertama dalam tahun 1975, di Mexico City. Dua pengisytiharan penting persidangan tersebut, iaitu tahun 1975 sebagai Tahun Wanita dan tempoh antara 1976-1985 sebagai Dekad Wanita telah mempengaruhi strategi dan pendekatan *NGO* wanita di Malaysia dalam mengetengahkan isu-isu wanita dalam era 1980-an yang akan dibincangkan dalam tahap berikutnya.

Secara ringkasnya, dapat dirumuskan bahawa pengaruh gerakan emansipasi wanita di peringkat antarabangsa telah memberi kesan yang besar terhadap kehidupan wanita secara am dan kegiatan persatuan-persatuan wanita secara khusus di Malaysia, khasnya sejurus selepas negara mencapai kemerdekaan. Sejakar dengan itu, timbul pelbagai isu baharu terutamanya isu persamaan hak antara wanita dengan lelaki dalam bidang pekerjaan dan isu-isu yang berkaitan hak dan pembelaan kehidupan berumahtangga. Sebagai langkah strategik untuk mengartikulasikan isu-isu berkenaan, jaringan kerja dibentuk dan ditingkatkan dalam pelbagai gabungan dan gerak kerja dalam tahap ini.

## **2.6 Jangka Masa 1981 hingga 2000: Era Kesedaran ‘Gender dan Hak-hak Asasi’ yang Semakin Meningkat**

Kegiatan *NGO* wanita bertambah pesat dan *intense* dalam dua dekad terakhir abad ke-20. Ini sesuai dengan semakin meningkatnya kesedaran gender (kesedaran memahami isu-isu kemasyarakatan mengikut perspektif dinamika interaksi sosial, psikologikal dan budaya antara lelaki dengan wanita dalam keluarga dan masyarakat).<sup>57</sup> Mulai tahun-tahun 1980-an ini juga kegiatan *NGO* wanita dipengaruhi oleh beberapa dimensi ‘kesedaran baharu’ hasil daripada beberapa perubahan, sama ada di dalam negeri, mahupun antarabangsa. Selain adanya kesedaran gender, kegiatan *NGO-NGO* wanita amat dipengaruhi oleh kesedaran hak-hak asasi. Gerakan feminism antarabangsa, khasnya seperti yang tergambar melalui persidangan-persidangan wanita sedunia<sup>58</sup> yang kebiasaannya disusuli dengan persidangan-persidangan di peringkat tempatan dan perkembangan teknologi komunikasi yang semakin meluas telah membolehkan kesedaran-kesedaran di atas berkembang dengan cepat.

Dalam perkembangan yang sama, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah sebagai reaksi terhadap meningkatnya kesedaran-kesedaran di atas. Antara yang terpenting ialah menubuhkan Unit Hal Ehwal Wanita di Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1983. Langkah-langkah lain juga diambil oleh institusi-institusi pendidikan bagi menerapkan kesedaran berkenaan, khususnya kesedaran gender itu melalui kursus-kursus yang diajar beberapa tahun kemudian, yang diikuti dengan penubuhan rancangan-rancangan pengajian yang berkaitan dengan gender di beberapa buah universiti awam.

Pada tahap awal tahun 1980-an inilah langkah-langkah pengidentifikasi yang lebih sistematik terhadap isu-isu kewanitaan yang sedang berkembang itu giat dilakukan oleh aktivis-aktivis wanita yang prihatin, baik secara individu mahupun

berkumpulan, misalnya dengan menjalankan penyelidikan dan menganjurkan bengkel-bengkel serta seminar-seminar. Isu-isu yang diketengahkan semakin meluas, mencakupi kebijakan rumah tangga, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, amalan diskriminasi, pengabaian dan keganasan ke atas wanita. Seterusnya, mulai penghujung dekad 1980-an dan dalam dekad 1990-an, isu-isu yang lebih kompleks seperti demokrasi, hak-hak asasi dan keadilan sejagat telah juga mendapat perhatian beberapa orang pemimpin *NGO* wanita berkenaan.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan kegiatan-kegiatan tersebut, *NGO-NGO* wanita telah menjalin jaringan kerja (*networking*) yang baharu sesama mereka. Hasil daripada jaringan kerja itu, *NCWO* semakin kukuh dan beberapa badan gabungan lain juga telah dibentuk seperti *Joint Action Group Against Violence Against Women (JAG)* dan *National Women Coalition*.<sup>59</sup> Walaupun *NCWO* mempunyai banyak ahli gabungan tetapi oleh kerana terlalu banyak bilangannya, maka ada di antara *NGO-NGO* berkenaan mempunyai pendekatan yang berbeza.<sup>60</sup> Beberapa *NGO* tertentu mengadakan gabungan kecil sesama mereka kerana perbezaan pendekatan dengan badan induk yang lebih besar (*NCWO*), misalnya melalui pembentukan *JAG* yang disebut di atas tadi.

*JAG* ditubuhkan pada 1 Oktober 1984, terdiri daripada lima buah *NGO*, iaitu *Women's Aid Organization (WAO)*, *Association of Women Lawyers (AWL)*, *University Women's Association (UWA)*, Bahagian Wanita *MTUC* dan Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (Biro Wanita, PPSWP).<sup>61</sup> Struktur organisasi gabungan *NGO* dalam *JAG* adalah lebih longgar dan tidak begitu formal sebagaimana *NCWO*. Badan itu terbentuk hasil daripada beberapa pertemuan antara sekumpulan kira-kira 20 orang wanita yang mempunyai keprihatinan terhadap bidang-bidang

tertentu isu-isu wanita (sebahagian besar daripada mereka adalah lulusan Universiti Malaya).

Walaupun beberapa *NGO* wanita di atas merupakan ahli gabungan *NCWO*, dalam aktiviti-aktiviti tertentu *JAG* menjalankan kegiatannya secara terasing daripada badan gabungan yang lebih besar (*NCWO*). Ini berlaku kerana, secara umum *NCWO* mengamalkan hubungan yang kooperatif dengan Kerajaan, malah boleh dianggap sebagai *pro-establishment*. Badan-badan yang bergabung dalam *JAG* itu pula ada kalanya mengambil sikap yang agak kritikal terhadap Kerajaan dan kadang-kala bersifat konfrontasional.

Kepesatan kegiatan wanita dan kesedaran gender yang semakin meluas di Malaysia semenjak awal dekad 1980-an juga dipengaruhi oleh pergerakan feminism antarabangsa. Aktivis-aktivis wanita di Malaysia semakin terdedah luas dengan isu-isu kewanitaan dari pelbagai aspek, misalnya melalui penyertaan mereka dalam persidangan-persidangan wanita sedunia anjuran PBB, sambutan Hari Wanita Antarabangsa dan juga kemajuan teknologi media.

Sebagai contoh, ekoran sambutan Hari Wanita Antarabangsa dalam tahun 1985, satu pameran dan bengkel mengenai keganasan ke atas wanita telah dianjurkan oleh *JAG*. Antara isu-isu yang dikenalpasti dan diketengahkan pada peringkat itu ialah keganasan rumah tangga, perkosaan, gangguan seksual, pelacuran dan paparan negatif mengenai wanita di media.<sup>62</sup> Isu-isu yang diketengahkan tersebut telah memusatkan kegiatan-kegiatan *NGO* wanita di samping isu-isu sebelumnya seperti kebijakan rumah tangga, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain.

Keanggotaan *JAG* semakin berkembang dengan penyertaan secara longgar beberapa *NGO* wanita yang baharu seperti *All Women's Action Movement (AWAM)*, *Women's Crisis Centre (WCC)*, *Sabah Women's Organization (SAWO)*, *Women's Development Collective (WDC)*, Persatuan Sahabat Wanita (Selangor) dan *Sarawak Women for Women Society (SWWS)*. Kemasukan beberapa anggota baharu seperti *AWAM*, *WDC* dan Sahabat Wanita di atas menjadikan kumpulan ini lebih *autonomous* daripada struktur Kerajaan dan *NCWO*. Malah isu-isu yang diketengahkan juga semakin kritikal. Walaupun keanggotaan *JAG* sebagai badan yang longgar itu semakin berkembang dengan penyertaan organisasi-organisasi di atas tetapi hubungannya dengan *NCWO* tidak semestinya dapat dianggap sebagai konfrontasional. Bagi meluaskan kegiatannya, *JAG* juga mengadakan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang prihatin terhadap isu-isu gender. Sebagai contoh, dalam tahun 1987, *JAG* telah menganjurkan satu kempen isu perkosaan bersama-sama beberapa *NGO* wanita dan *NGO-NGO* lain seperti *NGO* alam sekitar dan *NGO* kanak-kanak.<sup>63</sup>

Walaupun hubungan berbaik-baik wujud antara *JAG* dengan *NCWO* dan *NGO-NGO* lain yang prihatin terhadap isu-isu gender, hubungan yang konfrontasional antara *JAG* dengan Kerajaan dalam isu-isu tertentu juga wujud. Sebagai contoh, ketika Operasi Lalang diadakan dalam bulan Oktober 1987, beberapa orang pemimpin *NGO* wanita ahli gabungan *JAG* telah ditahan atas dakwaan menggerakkan golongan pekerja dan wanita untuk menjatuhkan Kerajaan. Antara mereka ialah Cecilia Ng, Chee Heng Leng dan Lim Chin Chin (ahli *WDC*) serta Irene Xavier (ahli Persatuan Sahabat Wanita Selangor). Kritikan-kritikan beberapa buah *NGO* wanita yang membawa kepada penahanan empat orang aktivis wanita dalam peristiwa Operasi

Lalang 1987 itu dapat dianggap sebagai titik tolak bermulanya hubungan konfrontasional antara sebilangan *NGO* wanita dengan Kerajaan di Malaysia.

Selepas peristiwa penahanan di atas, kegiatan *NGO* wanita tidak lagi terpusat kepada isu-isu gender semata tetapi berkembang kepada isu-isu hak asasi. Beberapa buah *NGO* wanita mengambil inisiatif membentuk Jawatankuasa Penyelaras bagi menghasilkan dokumen *Women's Manifesto*<sup>64</sup> menjelang Pilihan Raya Umum 1990. Antara perkara-perkara yang terkandung dalam dokumen berkenaan ialah demokrasi dan hak asasi manusia, rasuah, *people-centred development*, keganasan ke atas wanita, wanita dan pekerjaan serta wanita dan undang-undang.<sup>65</sup> Perkara-perkara yang terkandung dalam dokumen *Women's Manifesto* itu menggambarkan meningkatnya kesedaran hak-hak asasi di kalangan *NGO-NGO* wanita, di samping kesedaran gender itu sendiri.

Walau bagaimanapun, *Women's Manifesto* hanya ditandatangani oleh 10 *NGO* wanita (yang kebanyakannya cenderung menganjurkan aktiviti-aktiviti berkaitan isu-isu hak asasi) daripada kira-kira 200 pertubuhan wanita yang ada pada ketika itu. Tiadanya sokongan yang meluas terhadap *Women's Manifesto* berkenaan sebahagiannya disebabkan kebanyakan *NGO* wanita menumpukan aktiviti mereka terhadap isu-isu gender dan tidak mahu terlibat dalam isu-isu hak asasi yang konfrontasional. Pada masa yang sama juga, hubungan kooperatif antara *NGO* wanita dengan Kerajaan perlu dikekalkan kerana usaha-usaha bagi penggubalan beberapa dasar dan akta, khususnya Dasar Wanita Negara dan Akta Keganasan Rumah Tangga sedang dilaksanakan pada ketika itu.

Seperkara penting lain yang menjadikan hubungan sebahagian *NGO* wanita dengan Kerajaan bertambah konfrontasional ialah tindakan beberapa *NGO* wanita seperti Tenaganita dan Sahabat Wanita membongkar beberapa ‘masalah pekerja’ termasuk pekerja asing. Kelantangan Irene Fernandez (Pengarah Tenaganita) dalam mengetengahkan isu kebijakan buruh asing menyebabkan beliau dikenakan tindakan di bawah Seksyen 8A (1) Akta Percetakan dan Penerbitan, atas dakwaan berniat jahat menerbitkan memorandum mengenai penderaan, penyiksaan dan layanan tidak berperikemanusiaan terhadap buruh asing di kem-kem tahanan sementara di Malaysia.<sup>66</sup>

Selain itu, isu-isu yang berkaitan dengan pembentukan peraturan (dasar dan undang-undang) dalam sistem politik Malaysia secara langsung seperti amalan demokrasi, ketidakadilan, ketidakseimbangan pembangunan dan amalan-amalan diskriminatif yang lain semakin menjadi fokus kegiatan sekumpulan lain *NGO* wanita. *AWAM* misalnya, mengambil inisiatif untuk menggabungkan *NGO-NGO* wanita yang lantang di bawah satu gabungan yang dikenali sebagai *National Women's Coalition (NWC)*. *NWC* ditubuhkan pada awal 1990-an dan dipimpin oleh Marina Chin (Presiden). Keanggotaannya terdiri daripada beberapa perwakilan daripada 17 *NGO* wanita (sebahagian besarnya juga ahli *JAG*). Gabungan ini terbahagi kepada empat suruhanjaya yang masing-masing bertanggungjawab dalam hal-hal berkaitan tanah, buruh, budaya dan agama serta keganasan ke atas wanita.

Walau bagaimanapun, gabungan itu tidak dapat bertahan lama memandangkan wujud beberapa masalah seperti keperluan memenuhi syarat-syarat pendaftaran pertubuhan, ketiadaan atau kekurangan sumber kewangan dan tenaga, di samping

kurang sokongan daripada *NGO* wanita yang lain. Dalam tahun 1995, gabungan itu dibubarkan.

Walaupun *NWC* dibubarkan, ramai pemimpinnya terus aktif dalam mengetengahkan isu-isu hak asasi, di samping isu-isu gender yang lain. Beberapa orang daripada mereka yang mewakili tujuh buah *NGO* wanita telah mengambil langkah untuk menghidupkan semula semangat *Women's Manifesto* 1990 yang dibincangkan sebelum ini dengan merangka dokumen *Women's Agenda for Change* (*WAC*). *NGO-NGO* terbabit ialah *AWAM*, Persatuan Sahabat Wanita Selangor, *MTUC* (Bahagian Wanita), *WDC*, *Selangor Chinese Assembly Hall (Women Section)*, Jamaah Islah Malaysia (Wanita JIM) dan *Sisters in Islam (SIS)*.<sup>67</sup>

Antara lain, langkah menghidupkan semula semangat dokumen *Women's Manifesto* 1990 melalui *Women's Agenda for Change* itu bermula dengan beberapa sesi perbincangan, yang diikuti dengan satu bengkel kebangsaan melibatkan 34 *NGO* wanita dan beberapa *NGO* lain dalam bulan Januari 1999. Daripada seminar berkenaan, dokumen *WAC* dihasilkan dan seterusnya dilancarkan dalam bulan Mac 1999, dengan ditandatangani oleh wakil daripada 76 *NGO*.

Terdapat 11 perkara utama mengenai wanita yang terkandung dalam *WAC*, iaitu wanita dan pembangunan; wanita dan penyertaan demokrasi; wanita, agama dan budaya; keganasan terhadap wanita; wanita dan tanah; wanita dan perkhidmatan kesihatan; wanita dan undang-undang; wanita dan pekerjaan; wanita dan AIDS; wanita dan alam sekitar; dan wanita, kesihatan dan seksualiti.<sup>68</sup> Pemimpin-pemimpin *NGO* wanita itu telah mengambil langkah bagi mendapatkan sokongan parti-parti politik agar memasukkan perkara-perkara yang terkandung dalam dokumen *WAC* sebagai sebahagian daripada manifesto pilihan raya parti-parti berkenaan.

Dalam perkembangan yang sama juga, sekumpulan wanita telah bekerjasama menubuhkan sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai *Women's Candidacy Initiative (WCI)* dalam bulan September 1999. Walau bagaimanapun, pada tahap itu struktur organisasinya masih tidak jelas, sama ada merupakan pertubuhan parti politik wanita atau *NGO* wanita. Namun begitu, tujuannya agak jelas, iaitu meletakkan seorang calon wanita di peringkat nasional bagi memperjuangkan isu-isu kewanitaan, di samping isu-isu berkaitan keadilan dan pemerintahan demokratik.<sup>69</sup> Inisiatif penubuhan *WCI* diambil atas idea untuk mencalonkan wanita yang prihatin terhadap isu-isu kewanitaan ke dalam struktur formal politik tanpa halangan yang terdapat dalam struktur parti politik.<sup>70</sup>

Selain prihatin terhadap isu-isu wanita, calon berkenaan mestilah juga prihatin terhadap isu-isu yang diperjuangkan oleh *NGO-NGO* yang lain seperti alam sekitar, kepenggunaan, hak asasi manusia dan sebagainya serta tidak menggunakan isu etnik sebagai strategi dalam perjuangan dan kempen-kempen pilihan raya.<sup>71</sup> Bagi menggerakkan kegiatan-kegiatan semi-kepartian itu, *WCI* telah menjadikan sebahagian besar kandungan *WAC* di atas sebagai landas perjuangan dan bahan kempen-kempennya.

Memandangkan penubuhan *WCI* masih baharu, pertubuhan itu menghadapi pelbagai masalah untuk bersaing (meletakkan calon) dalam pilihan raya, seperti kekurangan pengalaman, kelemahan jentera organisasi, kekurangan sumber kewangan dan kekurangan sumber tenaga kerja. Oleh itu, mereka yang hendak bertanding dalam pilihan raya mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan parti-parti pembangkang dalam ‘Barisan Alternatif’.

Dalam Pilihan Raya 1999, pemimpin *AWAM*, Zaiton Kassim, telah terpilih mewakili *WCI* untuk bertanding di kawasan Parlimen Selayang, di bawah tiket *DAP*. Dalam pilihan raya berkenaan, beliau ditewaskan oleh seorang calon lelaki, Dato' Chan Kong Choy (*MCA*) dengan memperolehi 42.8% undi majoriti (26, 144 undi). Walaupun tindakan calon *WCI* bertanding dalam pilihan raya penting bagi meletakkan isu wanita sebagai sebahagian isu utama dalam pilihan raya, tindakan seumpama itu juga telah meningkatkan lagi hubungan konfrontasional antara sekumpulan *NGO* wanita dengan Kerajaan yang dinyatakan sebelum ini.

Walaupun di satu pihak terdapat hubungan konfrontasional yang semakin meningkat antara sesetengah *NGO* wanita dengan Kerajaan, namun di satu pihak yang lain pula, hubungan kooperatif terus terjalin antara kebanyakan *NGO-NGO* wanita ahli gabungan *NCWO* dengan Kerajaan. Dapat disimpulkan bahawa satu perkembangan yang ketara dalam jangka masa 1981-2000 itu ialah *NGO-NGO* wanita tidak lagi menumpukan kegiatannya terhadap isu-isu yang melibatkan wanita dan keluarga semata tetapi juga isu-isu kompleks yang lain seperti hak asasi, demokrasi, keadilan dan sebagainya.

## 2.7 Kesimpulan

Sepanjang perbincangan dalam bab ini, sejarah dan perkembangan *NGO* wanita telah ditonjolkan dalam lima tahap utama dan tema-tema tertentu (tema-tema berkenaan juga sekaligus menunjukkan ciri-ciri kegiatan *NGO* wanita yang ada pada ketika itu). Pada tahap satu (prapendudukan Jepun, 1942), tema “kesedaran awal dan keperluan berpersatuan” dipilih bagi menggambarkan perubahan sosial dan cabaran yang dihadapi oleh wanita, dalam zaman itu. Pada tahap berkenaan, dijelaskan bahawa

keperluan berpersatuan di kalangan masyarakat Melayu amat dipengaruhi oleh keterciciran kanak-kanak perempuan dalam pendidikan formal yang telah memberikan kesan kepada kemajuan pendidikan wanita keseluruhannya. Keperluan berpersatuan di kalangan komuniti bukan Melayu, yang rata-ratanya berpunca daripada faktor penghijrahan didorong oleh keperluan menjaga kebijakan dan memberikan perkhidmatan kepada kaum wanita dalam komuniti masing-masing.

Pada tahap kedua (zaman pendudukan Jepun), tema yang dipilih ialah “agenda untuk wanita dan kesan/faedah sampingan”. Dalam tahap ini, dinyatakan bahawa walaupun wanita dilibatkan di pelbagai bidang dan sektor pekerjaan di zaman itu dengan tujuan menggunakan kudrat lelaki untuk kepentingan ketenteraan di zaman perang, namun wanita telah mendapat pelbagai faedah/kesan sampingan daripadanya. Wanita telah didedahkan kepada kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, politik dan ekonomi, selain diambil bekerja di bawah pemerintah tentera Jepun. Langkah-langkah pendedahan sedemikian telah meluaskan skop kegiatan wanita yang sebelum ini hanya terhad kepada hal ehwal rumah tangga kepada bidang yang lebih besar, mencakupi hal ehwal kemasyarakatan dan politik.

Pada tahap ketiga pula (prapendudukan Jepun dan di ambang kemerdekaan), dibincangkan berkembangnya dua pertubuhan wanita, iaitu pertubuhan wanita parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan wanita bukan politik. Walaupun Sayap wanita parti-parti politik lebih berperanan menggerakkan kegiatan-kegiatan wanita melalui tindakan-tindakan kepartian seperti melalui kempen-kempen parti dalam pilihan raya dan mengundi, namun dalam ruang dan kesempatan-kesempatan tertentu, isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan wanita secara langsung juga diketengahkan oleh sayap-sayap wanita berkenaan. Kegiatan-kegiatan utama pertubuhan-pertubuhan

wanita lain (bukan politik) lebih ditumpukan kepada isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan secara langsung dengan kepentingan-kepentingan wanita seperti kegiatan-kegiatan bagi meningkatkan status wanita dalam pelbagai bidang dan menjaga kebijakan.

Pada tahap keempat (pascapengisytiharan kemerdekaan hingga tahun 1980), tema yang dipilih ialah “meningkatnya kesedaran emansipasi dan jaringan kerja”. Dalam tahap ini, dihuraikan bahawa kesedaran emansipasi di peringkat antarabangsa telah sekaligus memberi kesan terhadap gerakan emansipasi di peringkat tempatan dan seterusnya menggalakkan lagi kegiatan-kegiatan berpersatuan. Dalam memastikan suara-suara wanita mendapat perhatian yang lebih meluas, jaringan kerja sesama pertubuhan wanita dibentuk, khususnya melalui penubuhan *NCWO*.

Tahap akhir, iaitu tahap yang kelima perbincangan latar belakang sejarah dan perkembangan *NGO* wanita di Malaysia menyentuh tema “kesedaran gender dan hak asasi yang meningkat”. Di samping kesedaran di peringkat nasional, pengaruh antarabangsa dan perkembangan teknologi maklumat juga telah mengubah corak gerakan sosial wanita di negara ini. Isu-isu yang diketengahkan dan perspektif-perspektif yang digunakan juga telah berubah, sejajar dengan perkembangan-perkembangan di atas.

*NGO-NGO* wanita tidak lagi memfokuskan kegiatan mereka terhadap hal-hal domestik semata tetapi mula membahaskan isu-isu di luar rumah yang berkaitan dengan persoalan politik, perundang-undangan, ekonomi dan pekerjaan serta isu-isu politik yang lain. Perspektif gender telah mula mendapat perhatian masyarakat dalam memahami masalah-masalah yang melibatkan wanita dalam negara. Selain isu-isu yang khusus mengenai wanita, isu-isu kompleks yang lain seperti hak asasi,

demokrasi, *sustainable development* dan seumpamanya juga mendapat perhatian sebahagian *NGO* wanita di negara ini mulai tahun-tahun 1980-an itu. Perbincangan dalam bab berikutnya ialah mengenai latar belakang, perkembangan dan profil *NCWO*.

## Nota

<sup>1</sup> Dalam kajian ini, istilah *NGO wanita* dirujuk kepada semua pertubuhan wanita seperti pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita, sayap wanita parti-parti politik, bahagian wanita kesatuan-kesatuan sekerja dan bahagian atau biro wanita *NGO-NGO* lain. Penggunaan istilah ‘*NGO wanita*’ di Malaysia hanya popular mulai penghujung 1980-an. Sebelum tempoh itu, istilah-istilah seperti pertubuhan sukarela wanita, pertubuhan kebajikan wanita dan pertubuhan perkhidmatan sosial wanita diguna bagi merujuk kepada *NGO wanita*. Pertubuhan-pertubuhan lain akan disentuh sekiranya aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan berkenaan mempunyai kaitan dengan aktiviti-aktiviti *NGO wanita* yang dikaji. Selain itu, aktiviti-aktiviti bagi mengartikulasi isu-isu wanita yang dilakukan tanpa organisasi khusus juga menjadi sebahagian daripada kajian ini.

<sup>2</sup> Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (2000). *Laporan Tahunan 2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

<sup>3</sup> *YWCA* kemudiannya terus berkembang di Tanah Melayu dengan penubuhannya di Seremban (1950), Petaling Jaya (1963) dan Klang (1964) dan di beberapa bandar lain lagi dalam tahun-tahun berikutnya. Dokumen-dokumen tanpa tarikh yang diperolehi dari pejabat *YWCA* di No.33, Jalan Changai, Petaling Jaya, Selangor.

<sup>4</sup> *YWCA* (1976). *Biennial Conference Report 1974-1976*. Kuala Lumpur: Young Women’s Christian Association (YWCA). Hlm. 27.

<sup>5</sup> Daripada namanya, mungkin ada yang beranggapan bahawa *YWCA* merupakan pertubuhan dakwah Kristian. Namun, aktiviti-aktiviti utamanya lebih banyak tertumpu kepada aspek-aspek penjagaan kebajikan ahli, khidmat sosial dan pendidikan wanita, um pamanya menyediakan pusat jagaan bayi, asrama bagi wanita-wanita bekerja, latihan pertolongan cemas, kursus bahasa dan bimbingan kemahiran rumah tangga seperti memasak dan menjahit.

<sup>6</sup> *Straits Times*. 1 April 1938. Dipetik dalam Lenore Manderson (1980). *Women, Politics, and Change: The Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 60.

<sup>7</sup> Peranan wanita hanyalah di dapur (memasak), surur (membasuh pakaian) dan kasur (tilam – memuaskan syahwat suami) (ungkapan ini terkandung dalam koleksi sandiwara-sandiwaro Minang).

<sup>8</sup> Asiah Abu Samah (1960). ‘Emansipation of Malay Women, 1945-1957’, Latihan Ilmiah, B.A., Universiti Malaya (mikrofilem). Hlm. 2.

<sup>9</sup> Virginia H. Dancz (1987). *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapura: Oxford University Press. Hlm. 26.

<sup>10</sup> Sebuah rencana bertema kekeluargaan dalam *Bulan Melayu* bil. 35, 29 Januari 1936, hlm. 36 ada mengungkapkan sebab-sebab yang boleh mengeruhkan kehidupan berkeluarga. Secara ringkas, sebab yang disentuh tersebut ialah ketidakcepatan pengurusan perbelanjaan keluarga, perbezaan emosi dan pegangan, ketidakpandaian menzhirikan kasih sayang, perbezaan dalam mendidik anak-anak dan kekurangan mesra dengan ipar duai dan mentua taya.

<sup>11</sup> Lihat misalnya tulisan Zainatulnadirah yang berjudul “Sekolah Tinggi Bagi Budak Perempuan Melayu” dalam *Bulan Melayu*, Tahun Ketiga, Bil. 1, Mei 1932. Hlm. 54.

<sup>12</sup> Walaupun *MWTC* kurang memberikan penekanan terhadap peningkatan intelektual (tiadanya perpustakaan dan sedikit bilangan buku teksnya) berbanding *Sultan Idris Teachers Training College (SITC* – ditubuhkan dalam tahun 1922 di Tanjong Malim, Perak khusus untuk pelajar-pelajar lelaki), namun tertubuhnya sebuah kolej bagi wanita Melayu pada ketika itu telah menampakkan satu kejayaan *MWTU*.

<sup>13</sup> Persekutuan Malaysia, Jabatan Pendidikan (1968) *Statistik Pendidikan, 1938-1967*, Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan. Hlm. 32, Jadual 4.

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> Nama pertubuhan-pertubuhan berkenaan secara khusus tidak diperolehi, namun kegiatan-kegiatan pertubuhan-pertubuhan tersebut ada dicatatkan dalam tulisan-tulisan terdahulu, misalnya dalam tulisan Lenore Manderson *op.cit.* Hlm. 51.

<sup>16</sup> Walau pun perbincangan tentang aktiviti pertubuhan ini terdapat dalam beberapa kajian, misalnya Manderson (1987), namun data mengenai nama pertubuhan berkenaan tidak dapat diperoleh, hatta dalam sumber-sumber lain yang dirujuk.

<sup>17</sup> Sang Ong Siang (1967). *One Hundred Years’ History of the Chinese in Singapore*. Singapura: University of Malaya Press. Hlm. 541.

<sup>18</sup> Amarjit Kaur (1973). 'North Indians in Malaya: A Study of Their Economics, Social and Political Activities with Special Reference to Selangor, 1870s-1940s'. Tesis M.A., Universiti Malaya (mimeograf). Hlm. 37.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Dancz *op.cit*, Hlm. 69.

<sup>21</sup> Manderson *op.cit*, Hlm. ....

<sup>22</sup> Abdul Latiff Sahan (1959). 'Political Attitudes of the Malays 1945-1953'. Latihan Ilmiah, B.A., Universiti Malaya. Hlm. 2.

<sup>23</sup> Tradisi melibatkan diri dalam 'sayap' wanita sebuah badan induk seumpama itu berlanjutan hingga selepas zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, umpamanya dengan penubuhan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) sebagai 'sayap' wanita Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Kaum Ibu UMNO ('sayap' wanita UMNO), Dewan Muslimat PAS ('sayap' wanita PAS) dan Wanita Rakyat ('sayap' wanita Parti Sosialis Rakyat Malaya).

<sup>24</sup> Rohana Ariffin (1988). 'Malaysian Women's Participation in Trade Unions'. Dalam Noeleen Heyzer (ed.) (1988). *Daughters in Industry*. Kuala Lumpur: Asian and Pacific Development Centre.

<sup>25</sup> Tujuan lain pihak pemerintah tentera Jepun menubuhkan kelab bagi etnik Cina seperti *Epposho* ialah untuk menjaga kepentingan ekonomi yang sebahagian besarnya dimonopoli oleh etnik berkenaan, sama ada di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura mahupun di Sabah dan Sarawak. Manakala *Hodosho*, persatuan bagi etnik-ethnic lain seperti Melayu dan India lebih bertujuan untuk memberikan sokongan politik terhadap pemerintahan tentera Jepun. Perbincangan lanjut mengenai fungsi persatuan-persatuan ini terdapat dalam Yoighi Itagaki (1962). 'Some Aspects of the Japanese Policy for Malaya Under the Occupation, With Special Reference to Nationalism'. Dalam K.G. Tregonning (ed.) (1962). *Papers on Malayan History*. Singapore: Journal of South East Asian History. Hlm. 261.

<sup>26</sup> Manderson *op.cit*. Hlm. 52.

<sup>27</sup> Yoji Akashi (1969). 'Japanese Military Administration in Malaya – Its Formation and Evolution in Reference to the Sultans, The Islamic Religion and the Moslem Malays, 1941-1945'. *Journal of Asian Studies*. Vol. VII, no. 1, April 1969. Hlm.106-107.

<sup>28</sup> Nama penuh SABERKAS ialah Sayang Akan Bangsa Ertinya Redza Korbangkan Apa Segala. Pergerakan itu telah ditubuhkan di Kedah dalam awal tahun 1944, di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Pergerakan tersebut antara lain ditubuhkan atas kesedaran kemunduran akibat penindasan terhadap etnik Melayu di bawah pemerintahan tentera Jepun di samping penyerahan Kedah sendiri dan beberapa buah negeri lain seperti Kelantan, Perlis dan Terengganu kepada Kerajaan Siam. Pada peringkat awalnya, keahlian SABERKAS terdiri daripada kakitangan awam Melayu. Keahlian badan itu kemudiannya telah berkembang dengan turut dianggotai oleh pelbagai golongan seperti petani, peniaga kecil, pengayuh beca, penuntut-penuntut Kolej Sultan Abdul Hamid, guru-guru lelaki dan wanita dari sekolah-sekolah vernakular dan suri rumah tangga. Walaupun wanita, terutamanya guru-guru, telah terlibat menggerakkan pertubuhan berkenaan, hanya selepas pendudukan Jepun, iaitu dalam bulan Disember 1945, bahagian wanita pertubuhan tersebut diwujudkan secara rasmi, di bawah pimpinan Cikgu Balkis Hj. Abdullah. Perbincangan mengenai SABERKAS ini terdapat dalam tulisan Baharuddin Abdul Majid (1976). 'Saberkas. Pergerakan dan Perjuangannya, 1944-1956'. Latihan Ilmiah, B.A., Universiti Malaya.

<sup>29</sup> Lee Ting Hui (1961). 'Singapore Under the Japanese, 1942-1945'. *Nan-Yang Hsueh Pao*. Vol. XVII, Part 1. Hlm. 54-55. Dipetik dalam Manderson *op.cit*. Hlm. 52.

<sup>30</sup> Temu bual dengan Puan Ramani Gurusamy, Timbalan Presiden NCWO pada 23 Mei 2002, di Pejabat NCWO di No. 46 Jalan 14/29, Petaling Jaya, Selangor dan Puan Sri Dr. Fatimah Hamid Don pada 29 April 2002, di kediaman beliau di Petaling Jaya, Selangor.

<sup>31</sup> Halinah Bamadhaj (1975). 'The Impact of the Japanese Occupation of Malaya on Malay Society and Politics (1941-1945). Tesis M.A., University of Auckland. Hlm. 35.

<sup>32</sup> Gammons dan Adam (sebagaimana yang dicatatkan dalam Dancz, 1987: 85-86) antara lain melaporkan: ...*In the towns there were demonstrations with 5,000 to 10,000 people standing in front of us. But the most remarkable thing of all was the part the women were playing in this great national movement. In the 14 years I lived in Malaya I scarcely ever spoke to a Malay women. But today they go up on political platforms and make speeches; unmarried girls make speeches through microphones that would not have disgraced anybody in this committee...*

<sup>33</sup> Asiah Abu Samah (1960: 13) ada mencatatkan tiga perkara yang disebut oleh Ahmad Boestamam, pemimpin Angkatan Pemuda Insaf (API – pergerakan pemuda PKMM) berkaitan keperluan penglibatan wanita dalam politik, iaitu: untuk meningkatkan kesedaran di kalangan wanita Melayu tentang

---

persamaan hak mereka dengan lelaki; untuk membebaskan mereka daripada ikatan tradisi lama; dan untuk mensosialisasikan mereka.

<sup>34</sup> Shamsiah Fakeh telah menganggotai Parti Komunis Malaya dan lari ke hutan apabila parti itu diharamkan dalam tahun 1948. Aishah Ghani pula kemudiannya dilantik menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO kelima, juga sebagai Senator dan Menteri Kebajikan Masyarakat.

<sup>35</sup> Dancz *op.cit.* Hlm.101.

<sup>36</sup> *Ibid.* Hlm. 88.

<sup>37</sup> *Ibid.* Hlm. 89.

<sup>38</sup> Bahagian Wanita MCA cawangan Johor Bahru tersebut telah mengadakan kerjasama dengan Kaum Ibu UMNO cawangan Johor Bahru. Dalam satu mesyuarat yang diadakan antara kedua-dua bahagian wanita itu, persetujuan telah dicapai untuk menjalin kerjasama dalam kerja-kerja kebajikan sosial untuk menyelaras usaha-usaha pilihan raya dan untuk menyokong dasar UMNO-MCA. Walaupun sayap wanita MCA yang pertama (di Johor Bahru) telah ditubuhkan seawal tahun 1953 lagi, namun bahagian wanita peringkat nasional parti itu hanya ditubuhkan dalam tahun 1975.

<sup>39</sup> Apabila Dato' Onn Jaafar keluar daripada UMNO dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu, Puteh Mariah (Ketua Kaum Ibu UMNO pertama) turut serta keluar. Beliau telah diberi kepercayaan oleh Dato' Onn untuk mengetuai Bahagian Wanita Parti Kemerdekaan berkenaan. Peranan yang sama juga dimainkan oleh Puteh Mariah (iaitu sebagai Ketua Bahagian Wanita) apabila Dato' Onn kemudiannya menubuhkan Parti Negara. Walaupun ada dicatatkan bahawa isu-isu persamaan hak antara lelaki dengan wanita ada dibahaskan di dalam perhimpunan agung kedua-dua parti itu, pada keseluruhannya tidak banyak yang dicapai oleh bahagian wanita parti-parti berkenaan.

<sup>40</sup> Bahagian wanita yang dipanggil Dewan Muslimat itu dipimpin oleh guru-guru agama wanita yang prihatin terhadap isu-isu agama dan bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, fungsi bahagian wanita tersebut lebih kepada memberi sokongan terhadap dasar-dasar parti.

<sup>41</sup> Wanita Rakyat (Bahagian Wanita PRSM) yang pertama telah ditubuhkan dalam bulan Februari 1957 di Kelantan. Langkah-langkah bagi menubuhkan Wanita Rakyat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura giat diambil. Antara lain, bahagian wanita itu berusaha untuk meningkatkan kesedaran politik terutamanya di kalangan wanita-wanita desa. Kepimpinan bahagian wanita berkenaan telah diterajui oleh Zainab Ahmad. Walau bagaimanapun, bahagian itu gagal mendapat sokongan majoriti wanita-wanita di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.

<sup>42</sup> MWWA mendapat perhatian awam apabila bertindak menganjur satu perarakan sempena Perkahwinan Diraja antara Puteri Elizabeth dengan Putera Philip pada November 1947. Sejurus selepas itu, pemimpin-pemimpin Islam bersama-sama enam buah NGO lain telah mencela tindakan MWWA dan menentang perarakan tersebut. Pihak terbabit berpendapat tindakan wanita mempamerkan diri di khalayak ramai sedemikian akan memecah tradisi ketimuran. Tentangan terhadap perarakan tersebut sangat kuat sehingga ia dibatalkan.

<sup>43</sup> Sri Susayati Ramelan (1978). ‘Khadijah Sidek: Aktiviti-aktiviti Politiknya di Indonesia, Singapura dan Tanah Melayu (1930-an – 1960-an). Latihan Ilmiah, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 25-26.

<sup>44</sup> Istilah ‘kecinaan’ dalam konteks ini digunakan untuk merujuk kepada NGO-NGO wanita yang tenaga penggerak utamanya dan majoriti anggotanya terdiri daripada wanita-wanita Cina serta orientasi kegiatannya juga lebih tertumpu kepada kebajikan etnik Cina.

<sup>45</sup> Manderson, *op. cit.* Hlm. 53.

<sup>46</sup> *Ibid.* Hlm. 104.

<sup>47</sup> Rohana Ariffin *op.cit.*

<sup>48</sup> Perbincangan lanjut tentang peranan WTU, khasnya bagi menuntut bayaran gaji yang sama antara wanita dengan lelaki termuat dalam Bab 4. Secara ringkas, NGO ini (WTU) merupakan pertubuhan penting yang terlibat dalam pelbagai proses pengartikulasian bagi memastikan dasar gaji sama antara wanita dengan lelaki dilaksanakan di negara ini.

<sup>49</sup> LKPI (t.t.). *Chenderamata 10 Tahun Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Persekutuan Tanah Melayu 1961-1971*. Kuala Lumpur: Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI).

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> Dancz *op.cit.* Hlm. 139.

<sup>52</sup> Perbincangan lanjut mengenai latar belakang dan profil NCWO serta langkah-langkah konkret yang diambil oleh Majlis itu bagi memajukan wanita di negara ini dan pencapaian Majlis berkenaan terkandung dalam bab-bab seterusnya. Secara ringkas, sebagai organisasi payung yang menaungi sejumlah besar NGO wanita di negara ini, Majlis ini telah berperanan penting mengartikulasikan

---

pelbagai isu dan masalah yang berkaitan dengan ketidakadilan, pengabaian, penindasan dan amalan diskriminatif yang menyebabkan wanita di negara ini teraniaya. Penggubalan pelbagai dasar dan akta yang berkaitan kepentingan wanita di negara ini sebahagian besarnya mendapat input-input daripada NCWO.

<sup>53</sup> Rohana Ariffin (1997). *Women and Trade Unions in Peninsular Malaysia with Special Reference to MTUC and CUEPACS*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

<sup>54</sup> Zakiah Hanum (1992). *Didik Wanita Terdidiklah Bangsa*. Kuala Lumpur: Adhicipta Sdn. Bhd. Hlm. 1.

<sup>55</sup> Nik Safiah Karim (1990). *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd. Hlm. 105-106.

<sup>56</sup> Laporan-laporan kegiatan dan pencapaian NCWO, 1972-1979 yang diperolehi daripada pejabat NCWO di No. 46, Jalan 14/29, Petaling Jaya, Selangor.

<sup>57</sup> Perspektif gender semakin mendapat tempat dalam kajian-kajian tentang wanita dalam masyarakat di Malaysia. Kajian-kajian ini terdapat dalam Jamilah Ariffin (koordinator dan ed.) (1992). *Women & Development in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications dan Rashila Ramli (1998a). 'Pembangunan Politik dan Gender: Cabaran dan Strategi bagi Calon-calon Wanita'. Dalam Rokiah Talib dn Shanti Thambiah (eds.). *Gender, Budaya dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

<sup>58</sup> Terdapat dua persidangan wanita sedunia anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di antara jangkamasa 1981-2000 berkenaan iaitu Persidangan Wanita Sedunia Ketiga di Nairobi, Kenya dalam tahun 1985 dan keempat di Beijing, China dalam tahun 1995. Persidangan Wanita Sedunia Pertama telah diadakan di Mexico City, Mexico dalam tahun 1975 manakala yang kedua di Copenhagen, Denmark dalam tahun 1980.

<sup>59</sup> Trend lain pertubuhan-pertubuhan wanita yang berkembang dalam tahap ini ialah penubuhan pertubuhan-pertubuhan wanita bagi isteri-isteri pembesar (menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan pegawai-pegawai kerajaan). Antara pertubuhan-pertubuhan yang dimaksudkan itu ialah Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI), Majlis Amanah Wanita Johor (MAWAR) dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) kementerian-kementerian, seperti Kementerian Pendidikan. Selain itu, bahagian wanita atau biro wanita NGO-NGO lain juga berkembang dalam tahap ini. Ini termasuklah Bahagian Hal Ehwal Wanita ABIM (HELWA) dan Biro Wanita Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan. Sebahagian besar NGO-NGO ini juga bergabung dalam organisasi payung di atas terutamanya NCWO.

<sup>60</sup> Sejarah dan perkembangan NCWO secara khusus dalam jangka masa 1981-2000 akan dibincangkan dalam Bab 3. Dalam bahagian ini, perbincangan tentang jaringan kerja akan difokuskan kepada NGO-NGO wanita yang menganggotai gabungan-gabungan lain. Walau bagaimanapun, kegiatan NCWO akan disentuh sekiranya berkaitan dengan kegiatan NGO-NGO wanita dalam gabungan-gabungan lain yang dibincang itu.

<sup>61</sup> Lai Suat Yan (2003). 'The Women's Movement in Peninsular Malaysia, 1990-99: A Historical Analysis'. Dalam Meredith L. Weiss dan Salihah Hassan (eds.). *Social Movements in Malaysia: From Moral Communities to NGOs*. London: RoutledgeCurzon. Hlm. 61.

<sup>62</sup> Joint Action Group Against Violence Against Women (1986). Prosiding Workshop-cum-exhibition on Violence Against Women.

<sup>63</sup> Kempen isu perkosaan ini diadakan berikutan lima kes perkosaan dan bunuh secara kejam ke atas kanak-kanak yang berlaku dalam tempoh lima bulan dalam tahun 1987. Berikutan daripada itu, pakatan yang dikenali sebagai *Citizens Against Rape (CAR)* dibentuk, terdiri daripada NGO-NGO wanita, alam sekitar dan kanak-kanak serta beberapa orang individu.

<sup>64</sup> Rancangan pembentukan *Women's Manifesto* di kalangan pemimpin-pemimpin wanita beberapa buah NGO itu juga dapatlah disifatkan sebagai satu perkembangan signifikan kegiatan aktivis-aktivis wanita di negara ini. Ini kerana, sebagaimana yang telah dibincang dalam tahap-tahap sebelumnya terutamanya dalam tahap pertama, kegiatan NGO-NGO wanita lebih tertumpu kepada hal-hal penjagaan kebijakan ahli dan pengelolaan kursus-kursus rumah tangga semata. Tetapi menjelang tahun 1990 itu, wanita telah mula terlibat secara aktif dalam hal ehwal politik dan kemasyarakatan termasuk dalam ruang politik kepartian, dengan rancangan menggubal *Women's Manifesto* itu.

<sup>65</sup> *Women's Manifesto: As Malaysians and As Women: Questions for Our Politicians and a Manifesto for the '90s*. Dokumen.

<sup>66</sup> Lai Suat Yen, *op. cit.*

---

<sup>67</sup> *Women's Agenda for Change* (1990). Dokumen.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> Patricia A. Martinez (2003). 'Complex Configurations: The Women's Agenda for Change and the Women's Candidacy Inisiative'. Dalam Meredith L. Weiss dan Saliha Hassan (eds.). *Social Movement in Malaysia: From Moral Community to NGOs*. London: RoutledgeCurzon. Hlm. 90.

<sup>70</sup> Dalam perbincangan yang pernah dibuat oleh Manderson (1980), Dancz (1987) dan beberapa lagi pengkaji yang lain, wanita dikatakan menempuh pelbagai halangan yang besar untuk terpilih sebagai calon dalam pilihan raya memandangkan perlu mendapat 'pekenan' parti induknya. Dengan penubuhan WCI, pemimpin-pemimpin wanita berpandangan keperluan/halangan berkenaan tidak lagi timbul.

<sup>71</sup> *Ibid.*